

## BAB 4

### ANALISIS KAJIAN PERBANDINGAN TEORI SISTEM I'RĀB SĪBAWAYH DENGAN AL-SAYŪTĪY

#### 4.0 Pendahuluan.

Bab ini akan menghuraikan perbandingan sistem i'rāb yang melibatkan persamaan dan perbezaan antara Sībawayh dan al-Sayūtīy. Beberapa Sub-topik dibentuk bagi memudahkan perbincangan. Dapatan kajian ini adalah berdasarkan kategori perubah fleksi al-lafzīy al-qiyāsīy (العَوَامِلُ الْلَّفْظِيُّ الْقِيَاسِيُّ) dalam kitab "al-'Awāmil al-Mi'aṭ al-Nahwiyyaṭ Fī 'Usūl al-'Ilm al-'Arabiyyaṭ (الْعَوَامِلُ الْمُبَعَّدَةُ النَّحْوِيَّةُ فِي أُصُولِ الْعِلْمِ الْعَرَبِيَّةِ)" oleh 'Abdul Qāhir al-Jurjānīy. Terdapat lima topik utama yang akan dibincangkan. Topik-topik tersebut telah disenaraikan seperti berikut:

1. Kata nama fi'il (اسم الفعل),
2. Penggabungan (الإضافات),
3. Kata nama terbitan (المصدر),
4. Ṣifaṭ musyabbhaṭ (الصفة المُشَبَّهَةُ),
5. Kata nama pelaku (اسم الفاعل),

Berdasarkan topik-topik tersebut, huraian dimulai dengan perbincangan yang berfokus kepada perspektif Sibawayh dan perspektif al-Sayuti tentang kesemua topik yang dinyatakan. Secara ringkasnya perbincangan topik-topik tersebut akan berkisar tentang:

1. Perspektif tersendiri Sibawayh berkenaan dengan perbahasan sistem *i'rāb* (الإعراب) dalam "al-Kitāb" (الكتاب).
2. Perspektif tersendiri al-Sayuti berkenaan dengan perbahasan sistem *i'rāb* (الإعراب) dalam *Ham'u al-Hawāmi'i*

Fī Syarḥi Jam'i al-Jawāmi'i (هَمْعُ الْهَوَامِعِ فِي شَرْحِ جَمْعِ الْجَوَامِعِ).

#### **4.1. Sistem *i'rāb* (الإعراب) kata nama fi'i (اسم الفعل).**

Dalam bahagian ini, penulis akan memaparkan dapatan kajian berkenaan sistem *i'rāb* (الإعراب) daripada perspektif Sibawayh diikuti dengan perspektif al-Sayuti terhadap lima topik terpilih seperti yang telah dinyatakan.

##### **4.1.1. Perspektif Sibawayh Terhadap Kata Nama Fi'i (اسم الفعل).**

Paparan nas yang terdapat di dalam al-Kitāb (الكتاب) menunjukkan Sibawayh mempunyai perspektif tersendiri berkenaan topik kata nama *fi'i* (اسم الفعل). Perspektif beliau dapat ditelusuri menerusi kategori berikut:

**4.1.1(a) Kata nama fi'l (اسم الفعل) merupakan sub kategori kata kerja (الفعل).**

Kata nama fi'l (اسم الفعل) merupakan sub kategori kata kerja (الفعل)

yang berfungsi dengan fungsi kata kerja (ال فعل) (Sibawayh

1999:1:298). Ini bermaksud kata nama fi'l (اسم الفعل) seperti kata

kerja (الفعل) dari beberapa aspek, tetapi ia bukan kata kerja (الفعل).

Namun fokus berkenaan fungsi kata kerja (الفعل) dalam

perbincangan ini tertumpu kepada fungsi yang terdapat dalam

dua kata kerja iaitu; suruhan (الأمر) dan tegahan (النهي)

(Sibawayh:1999:1:300). Pernyataan di atas tergambar dalam

ungkapan berikut:

هَذَا بَابٌ مِنَ الْفِعْلِ سُمِّيَ الْفِعْلُ فِيهِ بِأَسْمَاءٍ ..... وَمَوْضِعُهَا مِنَ الْكَلَامِ الْأَمْرُ وَالنَّهْيُ ..... .

(Sibawayh:1999:1:298)

Maksudnya:

*"Ini merupakan bab kata kerja (الفعل) yang dikenali sebagai kata nama (الاسم)...manakala perbahasannya berkisar tentang ujaran suruhan (الأمر) dan tegahan (النهي)".*

Seterusnya, Sibawayh menjelaskan tentang fungsi kata nama fi'l

(اسم الفعل).

**4.1.1(b) Fungsi kata nama fi'i (اسم الفعل) seperti kata nama yang mempunyai alif dan lam (اً و لٰ).**

Sibawayh menjelaskan ia berfungsi seperti kata nama yang mempunyai alif dan lam (اً و لٰ). Hal ini bertujuan untuk mengelakkan percanggahan perkataan yang terletak selepas kata nama fi'i (اسم الفعل) dengan perkataan selepas ujaran suruhan (الأمر) dan tegahan (النهي) secara akusatif (منصوب) mahupun genitif (مُحْرُور) dan tidak berfungsi seperti kata nama terbitan (مَصْدَر). Hal ini dapat dilihat menerusi pernyataan beliau seperti berikut:

وَهِيَ أَسْمَاءُ الْفَعْلِ، وَأَجْرِيَتْ مُجْرَى مَا فِيهِ الْأَلْفُ وَاللَّامُ، نَحْوَ النَّجَاءِ لِغَلَّ يُخَالِفُ لَفْظُ مَا

بَعْدَهَا لَفْظًا مَا بَعْدَ الْأَمْرِ وَالنَّهْيِ وَلَمْ تَصْرُفْ تَصْرُفَ الْمَصَادِيرِ.....

(Sibawayh:1999:1: 300)

Maksudnya:

“ ia merupakan kata nama bagi kata kerja yang menyamai fungsi kata nama yang bergandingan dengan alif dan lam (اً و لٰ) seperti perkataan النَّجَاءِ ia bertujuan mengelakkan percanggahan perkataan yang terletak selepas kata nama fi'il (اسم الفعل) sama ada akusatif (منصوب) mahupun genitif (مُحْرُور) dengan perkataan yang terletak selepas ujaran suruhan (الأمر) dan tegahan (النَّهْيِ) dan tidak berfungsi seperti kata terbitan ”.

#### 4.1.1(c) Fungsi kata nama fi'l (اسم الفعل) sebagai kata sifat (الصيفة)

dan kata keterangan (الحال).

Selain berfungsi seperti kata nama yang mempunyai alif dan lam

(ال), Sibawayh turut menjelaskan, kata nama fi'l (اسم الفعل) juga

boleh berfungsi sebagai kata sifat (الصيفة) dan kata keterangan

سَارُواْ رُوَيْدًا . Contohnya perkataan رُوَيْدٌ , ia boleh jadi sifat seperti سَارُواْ

سَيِّرًا رُوَيْدًا dan juga boleh jadi kata keterangan (الحال) seperti سَارُواْ

رُوَيْدًا. Hal ini dapat dipastikan menerusi pernyataan berikut:

وَيَكُونُ (رُوَيْد) أَيْضًا صِفَةً، كَقَوْلَكَ: "سَارُواْ سَيِّرًا رُوَيْدًا". وَيَقُولُونَ أَيْضًا: "سَارُواْ رُوَيْدًا" ،

فَيَحْذِفُونَ "السَّيِّر" وَيَجْعَلُونَهُ حَالًا بِهِ وَصَفَ كَلَامَهُ.....

(Sibawayh:1999:1: 300)

Maksudnya:

"**kata nama fi'l (رويد) (اسم الفعل) boleh jadi sifat** seperti سَارُواْ سَيِّرًا رُوَيْدًا (الحال). Mereka juga menggunakan dengan pola سَارُواْ رُوَيْدًا iaitu dengan menggugurkan perkataan السَّيِّر lalu menjadikannya kata keterangan (الحال)..."

#### 4.1.1(d) Fungsi kata nama fi'l (اسم الفعل) sebagai kata terbitan

(مَصْدَرٌ).

Selain menyatakan fungsi kata nama fi'l (اسم الفعل) berfungsi sebagai kata sifat (الصِّفَةُ) dan kata keterangan (الحَالُ), Sibawayh tampil dengan fungsi kata nama fi'l sebagai kata terbitan (مَصْدَرٌ) seperti رُوَيْدَ نَفْسِهِ. Ini dapat dijelaskan melalui pernyataan beliau:

أَنَّهُ سَمِيعٌ مِّنَ الْعَرَبِ مَنْ يَقُولُ : "رُوَيْدَ نَفْسِهِ", جَعَلَهُ مَصْدَرًا كَقَوْلِهِ: فَضَرْبُ الرَّقَابِ.....

(Sibawayh:1999:1: 302)

Maksudnya:

"Sesungguhnya ia mendengar daripada orang Arab berkata: "رُوَيْدَ نَفْسِهِ" mereka menjadikan perkataan رُوَيْدَ نَفْسِهِ sebagai kata terbitan (مَصْدَرٌ) seperti firman Allah s.w.t "...(فَضَرْبُ الرَّقَابِ)"

#### 4.1.1(e) Fungsi kata nama fi'l (اسم الفعل) ketika bergabung

dengan huruf kaf (ك).

Selain berfungsi sebagai kata terbitan (مَصْدَرٌ), Sibawayh turut menjelaskan fungsi penggabungan kata nama fi'l (اسم الفعل) dengan huruf kaf (ك) seperti رُوَيْدَكَ bertujuan untuk

mengkhususkan kumpulan dalam kategori ganti nama kedua (المُخَاطَبُ) seperti anda, kamu dan lain-lain kerana ia boleh datang dalam bentuk رُوَيْدُكُمْ. Selain daripada itu, ia turut berfungsi untuk menguatkan ujaran (الْتَّوْكِيدُ). Penjelasan Sibawayh dapat dilihat seperti berikut:

وَهَذِهِ الْكَافُ الَّتِي لَحِقَتْ (رُوَيْدًا) إِنَّمَا لَحِقَتْ لِتَبِينِ الْمُخَاطَبَ الْمَخْصُوصَ.....فَإِنَّمَا أَدْخَلَ

الْكَافَ حِينَ خَافَ الرُّبَابَ مَنْ يَعْنِي بِمَنْ لَا يَعْنِي.....وَالْمَعْنَى فِي التَّوْكِيدِ وَالْإِخْتِصَاصِ.

(Sibawayh:1999:1: 303)

Maksudnya:

“ Penggabungan huruf kaf (ك) dengan (رُوَيْدًا) bertujuan menjelaskan pengkhususan pada kategori ganti nama kedua (المُخَاطَبُ).....dan menghilangkan kesangsian terhadap sesuatu yang dimaksudkan dan tidak dimaksudkan.....manakala dari aspek makna berfungsi untuk menguatkan ujaran (الْتَّوْكِيدُ) dan mengkhususkannya (الْإِخْتِصَاصُ)”.

Gambaran jelas mengenai kata nama fi'l (اسم الفعل) dari perspektif Sibawayh dapat dilihat menerusi Rajah 4.1.



Rajah 4.1: Kata Nama Fi'l (اسم الفعل) menurut perspektif Sibawayh

#### 4.1.2. Perspektif al-Sayūṭī Terhadap Kata Nama Fi'l (اسم الفعل).

Sebagai ilmuan yang berpeluang mentelaah sejumlah pandangan ahli tatabahasa sebelum dan yang semasa dengan beliau, al-Sayūṭī turut mengemukakan perspektif-perspektif yang unik terhadap perbahasan kata nama fi'l (اسم الفعل) dalam "Ham'u al-Hawāmi'i Fī Syarḥ Jam'i al-Jawāmi'i". Pengkategorian berikut dibentuk bagi memudahkan penelitian perspektif beliau:

**4.1.2(a) Kata nama fi'l (اسم الفعل) tidak mengalami proses morfologi.**

Tinjauan terhadap kata nama fi'l (اسم الفعل) dari perspektif al-Sayūṭīy menunjukkan ia adalah kata nama yang berfungsi dengan fungsi kata kerja (الفعل) serta tidak mengalami proses morfologi. Aspek ini merupakan pembeza dengan kata kerja (ال فعل). Penjelasan di atas dapat diikuti seperti berikut:

.....(هي أسماء قاتمة مقامها، أي مقام الفعل، في العمل (غير متصرفة) لا تصرف الأفعال.....

(al-Sayūṭīy 1997:3.:81)

Maksudnya:

“.....ia merupakan kata nama yang memainkan fungsi kata kerja tetapi **tidak mengalami proses morfologi seperti kata kerja.....**”

**4.1.2(b) Kesemua kata nama fi'l (اسم الفعل) adalah sama'īy dan tidak boleh qiyās.**

Selain membincangkan kata nama fi'l (اسم الفعل) yang tidak mengalami proses marfologi, al-Sayūṭīy turut menjelaskan bahawa kata nama fi'l (اسم الفعل) adalah sama'īy dan tidak boleh qiyās. Oleh yang demikian, ia tidak menerima proses analogi (القياس) dengan pola yang lain dan tidak tetap semata-mata

berdasarkan apa yang didengar melalui orang Arab (السماع)

seperti penjelasan ini:

(ولَا تُنَسِّبُ عَلَيْهِ فِي الْأَصْحَاحِ، بَلْ يَقْتَصِرُ عَلَى السَّمَاعِ.

(Al-Sayūṭī 1997:3.:85)

Maksudnya:

“ *la tidak boleh dianalogikan* (القياس) dengan pola yang lain bahkan terikat berdasarkan apa yang **didengar melalui orang Arab** (السماع)”

#### 4.1.2(c) Kata nama fi'l (اسم الفعل) tidak boleh berfungsi ketika digugurkan (المضمر)

Kata nama fi'il (اسم الفعل) yang berfungsi sebagai pengubah fleksi

(المضمر) tidak boleh berfungsi dalam keadaan ia digugurkan (المضمر)

seperti dalam penjelasan berikut:

(ولَا تُنَسِّبُ) أَيْ لَا تَعْمَلْ مُضْمَرَةً بِأَنْ تَحْذِفَ، وَيَقْعِي مَعْمُولُهَا...

(Al-Sayūṭī 1997:3.:82)

Maksudnya:

“ *la tidak boleh berfungsi secara tersembunyi* (digugurkan) sementara perubah fleksinya (المَعْمُول) jelas kekal....”

**4.1.2(d) Kata nama fi'l (اسم الفعل) tidak boleh didahului oleh perubah fleksi (المفعول).**

Kata nama fi'l (اسم الفعل) tidak boleh didahului oleh perubah fleksi (المفعول) contohnya زيداً رويداً. Penjelasan di atas dapat dilihat seperti berikut:

(ولَا يَقْدِمُ مَعْمُولُهَا) عَلَيْهَا, ...

(Al-Sayūtī 1997:3:82)

Maksudnya:

**“Kata nama fi'l (اسم الفعل) tidak boleh didahului oleh perubah fleksi (المفعول)...”**

**4.1.2(e) Asal-usul kata nama fi'l (اسم الفعل) ialah kata terbitan.**

Menurut al-Sayūtī ada pendapat yang mengatakan ia berasal daripada kata nama terbitan (أَسْمَاءِ الْمَصَادِرِ) kemudian masuk makna kata kerja (الفعل) yang tiga iaitu masa lampau (الماضي), masakini (المضارع) dan kata kerja suruhan (الأمر) dengan kehadiran masa. Pernyataan berikut menerangkan pendapat al-Sayūtī dengan lebih jelas:

(وقيل) هي (أَسْمَاءُ الْمَصَادِرِ)، ثم (دخلها معنى الفعل) وهو معنى الطلب في الأمر أو معنى

(الوقوع) بالمشاهدة....


(Al-Sayūṭīy 1997:3.:83)

Maksudnya:

“ Ada pendapat yang mengatakan ia merupakan kata nama terbitan (أَسْمَاءُ الْمَصَادِرِ) kemudian masuk makna kata kerja (الفعل) yang tiga iaitu masa lampau (الماضي), masa kini (المضارع) dan kata kerja suruhan (الأمر) dengan kehadiran masa...”

Ringkasan terhadap Kata Nama Fi’l (اسم الفعل) dari perspektif al-

Sayūṭīy dapat dilihat dalam rajah 4.6 berikut:



Rajah 4.2: Kata Nama Fi'l (اسم الفعل) menurut perspektif al-Sayūtīy

#### 4.2. Sistem i'rāb (الإعراب) Penggabungan (الإضافـة).

Dalam bahagian ini, penulis akan memaparkan dapatan sistem i'rāb berkenaan dengan penggabungan (الإضافـة) daripada perspektif Sibawayh diikuti dengan perspektif al-Sayūtīy.

#### **4.2.1. Perspektif Sibawayh Terhadap Penggabungan (الإضافة).**

Berdasarkan analisis terhadap teks dalam al-kitāb (الكتاب) berkaitan tajuk di atas, perspektif Sibawayh terhadap penggabungan (الإضافة) dapat dilihat dengan jelas seperti berikut:

##### **4.2.1(a) Penggabungan (الإضافة) merupakan proses pengulangan untuk menguatkan ujaran (التوكيد).**

Menurut perspektif Sibawayh penggabungan (الإضافة) ialah kata nama yang mengalami proses pengulangan yang bertujuan menguatkan ujaran (التوكيد). Ia berlaku dalam keadaan penggabungan يَازِيدَ زَيْدَ الْعَمَلَاتِ الْذَّبَلِ seperti (الإضافة) perkataan زَيْدَ زَيْدَ يَا زَيْدَ زَيْدَ الْعَمَلَاتِ الْذَّبَلِ yang kedua yang terletak di antara mudaf (المضاف) iaitu (perkataan yang bergabung dengan perkataan yang lain) dan mudaf ilayhi (مضاف إليه) iaitu (perkataan yang digabungkan dengan perkataan yang sebelumnya) wajib akusatif (النصب). Sementara perkataan زَيْدَ زَيْدَ yang pertama boleh secara akusatif (النصب) dan boleh terbina di atas ḥamma (الضم). Definisi yang dibuat oleh Sibawayh adalah berdasarkan pernyataan beliau seperti berikut:

بَابٌ مَا يُكَرِّرُ فِيهِ الْإِسْمُ فِي حَالِ الِإِضَافَةِ وَيَكُونُ الْأَوَّلُ بِمَنْزِلَةِ الْآخِرِ وَذَلِكَ قَوْلُكَ: (يَا زَيْدَ

زَيْدَ عَمِّرُو), وَ (يَا زَيْدَ زَيْدَ أَخِينَا).... وَذَلِكَ لِأَنَّهُمْ قَدْ عَلِمُوا أَنَّهُمْ لَوْلَمْ يُكَرِّرُوا الْإِسْمَ كَانَ

الْأَوَّلُ نَصِيبًا, فَلَمَّا كَرَرُوا الْإِسْمَ تَوَكَّدًا, تَرَكُوا الْأَوَّلَ ....

(Sībawayh:1999:2:209)

Maksudnya:

“ *bab ini membincangkan perkataan yang mengalami proses pengulangan ketika penggabungan (الإضافة)... sementara kedudukan perkataan yang pertama sama dengan kedudukan perkataan yang lain seperti ungkapan anda يَا زَيْدَ زَيْدَ الْعِمَالَاتِ الْذَّبَابِ dan ... yang demikian itu disebabkan mereka mengetahui jika mereka tidak mengulangi perkataan tersebut, perkataan yang pertama berada secara akusatif (الأنصب). Ketika mereka mengulangi perkataan dengan tujuan menguatkan ujaran (الشُّكْرُيد) mereka akan meninggalkan yang pertama....”*

#### 4.2.1(b). Penggabungan (الإضافة) dengan huruf ya (ي).

Halatuju perspektif Sībawayh yang seterusnya dalam perbincangan sistem i'rāb (الإعراب) dalam topik penggabungan

(الإضافة) ialah kata nama yang bergabung (الإضافة) dengan huruf ya

(ي). Menurut beliau, kata nama yang bergabung (الإضافة) dengan

huruf ya (ي) yang merupakan gantinama bersambung bagi diri

pertama (المُتَكَبِّرُ) akan tergugur sekiranya terdapat partikel seruan

(النِّدَاءُ). Manakala perkataan yang penggabungan (الإِضَافَةُ) dengan huruf ya (ي) akan berbaris bawah (كَسْرَةُ). Hal ini bertujuan untuk membezakan kata nama penggabungan (الإِضَافَةُ) dengan عبادٍ (بِعَبَادٍ فَاتَّقُونَ) perkataan asalnya. Contohnya يَا عِبَادٍ فَاتَّقُونَ mengalami pengguguran huruf ya (ي) dengan sebab kewujudan partikel seruan (النِّدَاءُ). Pernyataan beliau dapat diperhatikan seperti berikut:

إِعْلَمْ أَنْ يَاءَ الِإِضَافَةِ لَا تَثْبُتُ فِي النِّدَاءِ كَمَا لَمْ يَثْبُتْ التَّسْوِينُ فِي الْمُفْرَدِ... فَعُذْفَ وَثُرَكَ آخِرُ الْإِسْمِ جَرًّا لِيَفْصُلَ بَيْنَ الِإِضَافَةِ وَغَيْرِهَا... وَذَلِكَ قَوْلُكَ: (يَا قَوْمٍ لَا يَأْسَ عَلَيْكُمْ), وَقَالَ اللَّهُ جَلَّ شَأْوِهِ: (بِيَا عِبَادٍ فَاتَّقُونَ)

(Sibawayh:1999:1:313)

Maksudnya:

**“Ketahuilah sesungguhnya ya penggabungan (الإِضَافَةُ)** akan gugur sekiranya terdapat partikel seruan (النِّدَاءُ) seperti keadaan baris dua (التسوين) ketika mufrad. Huruf ya (ي) akan digugurkan manakala perkataan yang penggabungan (الإِضَافَةُ) dengan huruf ya (ي) akan berbaris bawah (كَسْرَةُ). Hal ini bertujuan untuk membezakan kata nama penggabungan (الإِضَافَةُ) dengan selainnya. Seumpama ungkapan anda (بِيَا قَوْمٍ لَا يَأْسَ عَلَيْكُمْ) dan firman Allah s.w.t. يَا عِبَادٍ فَاتَّقُونَ perkataan”.

Sehubungan masalah di atas, Sibawayh mengambil pandangan masyarakat Arab yang mengekalkan huruf ya (ي) seperti لَمْ يَكُ شَيْءٌ dan terdapat pula yang menggantikan dengan huruf alif (ا) seperti يَا غُلَامًا لَا تَنْعَلْ. Menurut Sibawayh penggunaan sebegini bertujuan untuk keringanan. Penjelasan isu ini boleh didapati dalam pernyataan berikut:

وَقَدْ يُبَدِّلُونَ مَكَانَ الْيَاءِ الْأَلِفَ لَأَنَّهَا أَحْفَثُ ..... وَذَلِكَ قَوْلُكَ:... (يَا غُلَامًا لَا تَنْعَلْ).....

(Sibawayh:1999:2:214)

Maksudnya:

“ Kadang-kadang mereka menukar kedudukan huruf ya (ي) dengan huruf alif (ا) kerana ia lebih ringan ... seperti ungkapan anda ... يَا غُلَامًا لَا تَنْعَلْ ”

#### 4.2.1(c). Penggabungan (الإضافة) kata nama kepada kata kerja

dan kata nama yang berkaitan dengan masa (أَسْمَاءُ الدَّهْرِ).

Selain kata nama yang bergabung (الإضافة) dengan huruf ya (ي),

Sibawayh turut menjelaskan penggabungan (الإضافة) juga terjadi

antara kata nama dengan kepada kata kerja (إِضَافَةُ الْإِسْمِ إِلَى الْفِعْلِ) seperti بِآيَةِ ثَقْمُونَ الْخَيْلَ شُعْنًا. Demikian juga, penggabungan turut

terjadi pada kata nama yang berkaitan dengan masa (أَسْمَاءُ الدَّهْرِ)

dengan kata kerja seperti هَذَا يَوْمٌ يَقُولُ زَيْدٌ. Keterangan topik ini dapat

dilihat dalam al-Kitāb (الْكِتَاب) menerusi ungkapan berikut:

هَذَا بَابٌ مَا يُضَافُ إِلَى الْأَفْعَالِ مِنَ الْأَسْمَاءِ... يُضَافُ إِلَيْهَا أَسْمَاءُ الدَّهْرِ....

(Sībawayh:1999:3:136)

Maksudnya:

“Bab ini menjelaskan penggabungan **kata nama kepada kata kerja** (إِضَافَةِ الْأَسْمَاءِ إِلَى الْفَعْلِ) seperti kata nama yang menjelaskan tentang masa (أَسْمَاءُ الدَّهْرِ)...”

#### 4.2.1(d). Penggabungan (الإِضَافَةُ) kata nama kepada kata nama

terbitan muawwal (المَصْدِرُ الْمُؤَوَّلُ) dan ayat (الْجُمْلَةُ).

Sībawayh terus menambah penjelasan berkaitan kata nama yang boleh bergabung dengan kata nama lain dalam topik penggabungan (الإِضَافَةُ). Menurut beliau, penggabungan turut

terjadi pada kata nama terbitan mu'awwal dan kepada ayat (إِضَافَةُ

بِآيَةٍ مَا تُحِبُّونَ الطَّعَامًا seperti (الْأَسْمَاءِ إِلَى الْمَصْدِرِ الْمُؤَوَّلِ أَوْ إِلَى الْجُمْلَةِ) Penjelasan

Sībawayh dapat dilihat seperti berikut:

(بِآيَةٍ مَا تُحِبُّونَ) حَيْثُ أَضَافَ (آيَة) إِلَى الْمَصْدِرِ الْمُؤَوَّلِ...

(Sībawayh:1999:3:138)

Maksudnya:

“ *Perkataan* (يَهِ) *telah digabungkan dengan kata nama terbitan muawwal* (المُصَدَّرُ الْمُؤَوَّلُ) ”

#### 4.2.1(e). Penggabungan nisbah (الإضافةُ النسبيَّةُ).

Perspektif Sibawayh yang seterusnya berkenaan dengan sistem i'rāb (الاعراب) ialah penggabungan nisbah (الإضافةُ النسبيَّةُ ) yang merupakan dua huruf ya (ياءان), turut dikenali sebagai dua ya penggabungan (ياءاً الإضافةُ ) seperti perkataan تَمِيمٌ kepada تميسي، بَصَرٌ kepada البصرةٌ و بَلْدٌ فَجَعَلَتْهُ مِنْ أَهْلِهِ، أَحْقَتْ يَاءِي الْإِضَافَةِ....

dijelaskan di dalam ungkapan berikut:

فَإِنْ أَخْضَفْتَهُ إِلَى بَلْدٍ فَجَعَلَتْهُ مِنْ أَهْلِهِ، أَحْقَتْ يَاءِي الْإِضَافَةِ....

(Sibawayh:1999:3:367)

Maksudnya:

“ Sekiranya anda menjadikan penggabungan kepada sesebuah negeri, hendaklah anda menjadikannya daripada ahli negeri tersebut, **dan sambungkannya dengan dua huruf ya (ياءان)** ”.

#### 4.2.1(f). Penggabungan (الإضافةُ) pada kata nama yang mempunyai dua huruf tambahan.

Berdasarkan analisis dalam al-Kitab, Sibawayh menyatakan penggabungan (الإضافةُ ) turut berlaku pada kata nama yang

mempunyai dua huruf tambahan alif dan nun (الْأَلِفُ وَالْنُونُ), ya dan nun (يَاءُ وَالْنُونُ) atau waw dan nun (وَالْوَاءُ وَالْنُونُ) yang menunjukkan bilangan dua (مُشَكَّلٌ) atau jamak (جَمِيعٌ). Dalam keadan ini huruf-huruf tambahan tersebut hendaklah digugurkan kedua-duanya sekali. Penjelasan ini boleh didapati menerusi petikan berikut:

هَذَا بَابٌ مَا لِحِقَّةِ الرَّائِدَيْنِ لِلْجَمِيعِ وَالشِّيَّةِ وَذَلِكَ قَوْلُكُمْ: "مُسْلِمُونَ", وَ "رَجُلَانِ",  
وَتَحْوُفُهُمَا فِإِذَا كَانَ شَيْءٌ مِنْ هَذَا اسْمِ رَجُلٍ, فَأَضَافَتْ إِلَيْهِ حَذَفَتِ الرَّائِدَيْنِ الْوَاءُ وَالْئُونَ....

(Sibawayh:1999:3:409)

Maksudnya:

*“ Ini adalah bab yang membincangkan penggandingan dua huruf tambahan (الرَّائِدَيْنِ) untuk kata jamak (الْجَمِيعُ) dan kata yang menunjukkan bilangan dua (الشِّيَّةُ) seperti ungkapan anda pada perkataan "مُسْلِمُونَ" dan "رَجُلَانِ" dan selain daripada kedua-duanya. Sekiranya terdapat kata nama yang menyerupai kedua-dua perkataan di atas, yang telah anda idhafah kepadanya, hendaklah anda gugurkan huruf tambahannya iaitu و dan ن ....”*

#### 4.2.1(g). Penggabungan (الإِضَافَةُ) pada dua kata nama.

Sibawayh telah mempamirkan perspektif yang unik dalam topik penggabungan (الإِضَافَةُ) ini. Beliau menyatakan boleh berlaku penggabungan (الإِضَافَةُ) pada dua kata nama yang dihimpunkan

menjadi satu seperti . خَمْسَةَ عَشَرَ، مَعْدِيكَرْبَ . Penjelasan ini dapat dilihat seperti berikut:

هَذَا بَابُ الِإِضَافَةِ إِلَى الْإِسْمَيْنِ الَّذِيْنِ ضُمَّ أَحَدُهُمَا إِلَى الْآخَرِ فَجَعَلَ اسْمًا وَاحِدًا....

(Sībawayh:1999:3:411)

Maksudnya:

“ *Ini bab idhafah kepada dua kata nama yang kedua-duanya digabungkan antara satu sama lain lalu menjadi satu kata nama yang satu....* ”

#### 4.2.1(h). Penggabungan (الإِضَافَةُ) bersama kata nama muḍaf.

Seterusnya analisis yang dijalankan menunjukkan Sībawayh membolehkan penggabungan (الإِضَافَةُ) bersama kata nama muḍaf dengan syarat digugurkan salah satu kata nama yang bergabung sama ada di awal atau di akhir seperti ابنُ كُرَاعٍ dan زَيْرِيٌّ

kepada الرُّبِيعِ . Keterangan berkenaan topik ini dapat dilihat seperti berikut:

إِعْلَمُ أَنَّهُ لَا يَكُونُ مِنْ حَذْفِ أَحَدِ الْإِسْمَيْنِ فِي الِإِضَافَةِ، وَالْمُضَافُ فِي الِإِضَافَةِ يُحَرَّى فِي كَلَامِهِمْ عَلَى ضَرَائِينِ. فَمِنْهُ مَا يَحْذَفُ مِنِ الْإِسْمِ الْآخَرِ، وَمِنْهُ مَا يَحْذَفُ مِنِ الْأَوَّلِ.

(Sībawayh:1999:3:413)

Maksudnya:

*“ Ketahuilah, sesungguhnya perlu menggugurkan salah satu kata nama ketika penggabungan. Hal ini disebabkan kata nama muṣaf di sisi mereka mempunyai dua bahagian. Di antaranya yang digugurkan oleh kata nama yang lain dan yang lain digugurkan oleh kata nama pertama ”.*

#### **4.2.1(i) Penggabungan katanama jamak seperti عبد الله .**

Setelah membicarakan penggabungan (الإضافة) bersama kata nama muṣaf, halatuju Sibawayh yang selanjutnya ialah yang berkaitan dengan penggabungan katanama jamak. Sibawayh menjelaskan, sekiranya perlu menukar kata nama tunggal kepada kata nama jamak hendaklah datang dengan pola jamak taksir seperti kepada عبد الله atau عَبِيدُ اللَّهِ dan seperti yang dikatakan oleh Sibawayh dalam al-Kitāb (الكتاب):

إِذَا جَمَعْتَ (عَبْدُ اللَّهِ) وَنَحْوَهُ مِنَ الْأَسْمَاءِ فَكَسَرْتَ قُلْتَ: (عَبَادُ اللَّهِ) وَ (عَبِيدُ اللَّهِ)... وَإِنْ شِئْتَ

قُلْتَ: (عَبْدُوا اللَّهِ)....

(Sibawayh 1999:3:442)

Maksudnya:

*“ Sekiranya anda ingin menjamakkan perkataan عبد الله dan seumpamanya, hendaklah anda menuarkannya ke pola jama‘ taksīr menjadi عَبَادُ اللَّهِ وَ عَبِيدُ اللَّهِ... atau ”*

Perspektif Sibawayh mengenai penggabungan (الإضافة) dapat disimpulkan menerusi rajah 4.3 berikut:



Rajah 4.3: Penggabungan (الإضافة) menurut perspektif Sibawayh

Berikut adalah analisis terhadap topik penggabungan (الإضافة) menerusi perspektif al-Sayūṭīy.

#### **4.2.2. Perspektif Al-Sayūṭī Terhadap Penggabungan (الإِضَافَةُ).**

Al-Sayūṭī menerusi “Ham'u al-Hawāmi'i Fī Syarḥ Jam'i al-Jawāmi'i (هَمْنَعُ )

عَلَيْهِ الْهَوَامِعُ فِي شَرْحِ جَمْعِ الْجَوَامِعِ mempunyai perspektif yang amat berbeza dengan Sibawayh dalam perbicaraan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ ) berkenaan dengan penggabungan (الإِضَافَةُ ). Perspektif dapat ditinjau menerusiuraian berikut:

##### **4.2.2(a) Penggabungan (الإِضَافَةُ ) merupakan hubungan yang**

**wujud hasil perkaitan dua kata nama.**

Al-Sayūṭī telah menyatakan penggabungan (الإِضَافَةُ ) merupakan hubungan yang wujud hasil perkaitan dua kata nama yang menyebabkan kata nama kedua berada pada kedudukan genitif (الْجُرُّ). Kata nama yang pertama dinamakan sebagai muḍaf (المُضَافُ ) dan yang kedua dinamakan muḍaf ilayhi (المُضَافُ إِلَيْهِ ).

Definisi beliau berkenaan penggabungan (الإِضَافَةُ ) dapat dilihat

seperti berikut:

(نَسْبَةٌ تَقْيِيدِيَّةٌ بَيْنَ اسْمَيْنِ ثُوَجَبُ لِثَانِيهِمَا الْجُرُّ ..... (وَالْأَصَحُّ أَنَّ الْأَوَّلَ) ... (المُضَافُ

وَالثَّانِي) ... (المُضَافُ إِلَيْهِ) ....

(Al-Sayūṭī 1997:2:411)

Maksudnya:

“ **Hubungan yang mengikat di antara dua kata nama.** Hubungan ini menyebabkan kata nama yang kedua berada secara genitif (الْجَرُّ)... yang paling tepat untuk diperkatakan bahawa yang pertama itu ialah kata nama muḍaf (المُضَافُ) sementara kata nama yang kedua adalah kata nama muḍaf ilaihi (مُضَافٌ إِلَيْهِ) ...”

#### 4.2.2(b). Muḍaf. (المُضَافُ) merupakan pengubah fleksi (العَامِلُ)

kata nama muḍaf ilaihi (مُضَافٌ إِلَيْهِ).

Dari aspek pengubah fleksi (العَامِلُ) al-Sayūṭī mempunyai perspektifnya yang tersendiri. Menurut beliau, kata nama muḍaf ilaihi (مُضَافٌ إِلَيْهِ) berada secara genitif (الْجَرُّ) adalah disebabkan kesan langsung daripada kata nama muḍaf (المُضَافُ) yang bertindak sebagai pengubah fleksi (العَامِلُ). Sekalipun menurut hukum qiyās kata nama yang berfungsi ke atas kata nama lain mestilah menyerupai kata kerja (الْفَعْلُ) sedangkan kata kerja tidak boleh berfungsi sebagai agen genitif (الْجَرُّ) tetapi orang Arab sering mengadaikan (مُقَدَّرٌ) partikel genitif (الْجَرُّ) pada tempat-tempat tertentu dan mewujudkan perkaitan dua kata nama atau penggabungan (الإِضَافَةُ) sehingga kata nama pertama iaitu muḍaf (المُضَافُ) berfungsi dengan fungsi partikel genitif (الْجَرُّ) terhadap

kata nama kedua iaitu (مضافٌ إِلَيْهِ). Hal ini terdapat di dalam ungkapan beliau seperti berikut:

(وَالْأَصَحُّ أَنَّ الْجَرًّ فِي الْمُضَافِ إِلَيْهِ (بِالْمُضَافِ)... وَإِنْ كَانَ الْقِيَاسُ أَلَا يَعْمَلُ مِنَ الْأَسْمَاءِ

وَالْفِعْلُ لَا حَظَّ لَهُ فِي عَمَلِ الْجَرِّ، لَكِنَّ الْعَرَبَ احْتَصَرَتْ حُرُوفَ الْجَرِّ فِي إِلَا مَا أَشْبَهَ الْفِعْلَ،

مَوَاضِيعَ، وَأَضَافَتِ الْأَسْمَاءَ بَعْضَهَا إِلَى بَعْضٍ فَنَابَ الْمُضَافُ مَنَابَ حَرْفِ الْجَرِّ، فَعَمِلَ عَمَلُهُ....

(Al-Sayūtīy 1998:2:414)

Maksudnya:

“ Pendapat yang lebih tepat berkenaan partikel jar (الْجَرُّ) pada kata muḍaf ilayhi (المُضَافٌ إِلَيْهِ) yang berada secara genitif (الْجَرُّ) adalah disebabkan oleh kata nama muḍaf (المُضَافُ)... sekalipun kaedah al-qiyās (الْقِيَاسُ) menegah kata nama untuk berfungsi melainkan yang menyerupai kata kerja (الفِعْلُ). Sementara itu kata kerja tidak boleh berfungsi seperti partikel jar (الْجَرُّ), walaubagaimanapun orang-orang Arab sering meringkaskan (tugas kata kerja) dengan partikel jar (الْجَرُّ) pada keadaan tertentu lalu merekapun menggabungkan setengah kata nama ke atas yang lain. Sehingga kata nama (المُضَافُ) mengambil alih fungsi partikel jar (الْجَرُّ) dan berfungsi seperti fungsi partikel jar (الْجَرُّ) ”.

**4.2.2(c) Penggabungan (الإضافة) tidak boleh mendahului kata nama mudaf ilayhi (مضافٌ إِلَيْهِ).**

Perspektif seterusnya yang dipaparkan oleh al-Sayūtī ialah penggabungan (الإضافة) merupakan satu sistem yang tetap. Oleh yang demikian menurut perspektif beliau penggabungan (الإضافة) tidak boleh mendahului kata nama mudaf ilayhi (مضافٌ إِلَيْهِ) ke atas kata nama mudaf (المضاف). Ini tertera dalam kenyataan beliau seperti berikut:

(ولَا يُقْبِلُ عَلَى الْمُضَافِ (مَعْوِلٌ مُضَافٌ إِلَيْهِ), لَأَنَّهُ مِنْ تَمَامِهِ, كَمَا لَا يَقْدِمُ الْمُضَافُ إِلَيْهِ عَلَى الْمُضَافِ.

(Al-Sayūtī 1998:2:420)

Maksudnya:

“ Pengubah fleksi (العامل) iaitu mudaf (المضاف) tidak boleh mendahului perubah fleksi iaitu (مضافٌ إِلَيْهِ) kerana ia merupakan kesempurnaananya sepetimana perubah fleksi iaitu tidak boleh mendahului pengubah fleksi (المضاف). ”

#### 4.2.2(d). Kata nama yang sentiasa perlu penggabungan

(الإِضَافَةُ).

Rentetan daripada penggabungan (الإِضَافَةُ) merupakan satu sistem

yang tetap, al-Sayūṭī menampilkkan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ)

berkenaan dengan penggabungan (الإِضَافَةُ) dari aspek kata nama

yang sentiasa dalam bentuk penggabungan (الإِضَافَةُ) kerana

terdapat keperluan terhadapnya seperti حُمَادَىٰ dan قُصَارَىٰ yang

bermaksud tujuan (الْغَنَيَّةُ). Perkataan وَحْدَهُ yang bergabung (الإِضَافَةُ)

hanya kepada gantinama seperti إِذَا دُعِيَ اللَّهُ وَحْدَهُ bukan kata nama

zahir. Menurut al-Sayūṭī, perkataan وَحْدَهُ boleh sentiasa pada

kedudukan akusatif (النَّصْبُ) sekiranya ia merupakan kata terbitan

yang terhasil melalui lafaznya dan boleh genitif (الْجَرُّ) dengan

partikel ala (علَىٰ) serta sentiasa tunggal (الإِفْرَادُ) dan maskulin

(الْمُشَكِّرُ). Kadang-kadang sahaja hadir secara bilangan dua (الْمُشَكَّرُ).

Hal ini telah dijelaskan dalam pernyataan berikut:

(لَا زَمَ النَّصْبَ)...(وَ) لَا زَمَ (الإِفْرَادُ وَ التَّذَكِيرَ)...(وَقَدْ يُشَكِّرُ) شُدُودًا (أَوْ يُجَرُّ بِعَلَىٰ)

(Al-Sayūṭī 1998:2:422)

Maksudnya:

“..sentiasa pada kedudukan akusatif (الْأَنْصَبُ) sekiranya ia merupakan kata terbitan yang terhasil melalui lafaznya dan boleh genitif (الْجَرُّ) dengan partikel ala (عَلَى) serta sentiasa tunggal (الْمُؤْكِدُ) dan maskulin (الْمُذَكَّرُ). Kadang-kadang sahaja hadir secara bilangan dua (الْمُشَتَّتُ)...”.

#### 4.2.2(e). Penggabungan mahdah (إِضَافَةُ الْمَحْذَّةِ) dan penggabungan bukan mahdah (إِضَافَةُ غَيْرِ الْمَحْذَّةِ).

Selain menghuraikan kata nama yang sentiasa dalam bentuk penggabungan (الإِضَافَةُ), al-Sayūṭī turut menghuraikan tajuk ini dengan mengkategorikan penggabungan (الإِضَافَةُ). Beliau telah mengkategorikan penggabungan (الإِضَافَةُ) kepada dua kategori penggabungan (الإِضَافَةُ) iaitu penggabungan mahdah (إِضَافَةُ الْمَحْذَّةِ) dan penggabungan bukan mahdah (إِضَافَةُ غَيْرِ الْمَحْذَّةِ). Ditinjau dari aspek penggunaan, al-Sayūṭī menjelaskan sekiranya kata nama muḍaf ilayhi (مضَافٌ إِلَيْهِ) merupakan kata nama am (النَّكِرَةُ), penggabungan mahdah (إِضَافَةُ الْمَحْذَّةِ) memberikan konotasi khusus (مُضَافٌ إِلَيْهِ تَخْصِيصٌ). Sebaliknya jika kata nama muḍaf ilayhi (مُضَافٌ إِلَيْهِ) merupakan kata nama khas (المَعْرِفَةُ) penggabungan mahdah (إِضَافَةُ)

الْمَحْضَةِ memberikan konotasi yang lebih khusus daripada takhsis

(تَخْصِيصٌ) dikenali sebagai ta'rif (تَعْرِيفٌ).

Manakala penggabungan bukan mahdah (إِضَافَةُ غَيْرِ الْمَحْضَةِ) bertujuan

menghasilkan keringanan pada sebutan perkataan dengan menggugurkan tanwīn (التَّنْوِينُ) dan seumpamanya. Contoh

penggabungan bukan mahdah (إِضَافَةُ غَيْرِ الْمَحْضَةِ) ialah perkataan-

perkataan yang terletak selepas perkataan دَنْ, شِهْ, مِثْلُ, غَيْرُ, dan

نَحْوٌ. Ini dapat dilihat dengan jelas melalui ungkapan yang

terdapat dalam kitab beliau seperti berikut:

(وَ الْمَحْضَةُ (هِيَ الَّتِي تُفِيدُ تَعْرِيفًا) إِذَا كَانَ الْمُضَافُ إِلَيْهِ مَعْرَفَةً (أَوْ تَخْصِيصًا) .... (وَغَيْرُهَا) أَيْ

غَيْرُ الْمَحْضَةِ مَا لَا يُفِيدُ وَاحِدًا مِنْهُمَا (بَلْ تَحْفِيفًا) فِي اللفظِ بِحَذْفِ التَّنْوِينِ، وَشَبَهِهِ.

(Al-Sayūtīy 1997:2:414)

Maksudnya:

“*Penggabungan mahdah (إِضَافَةُ الْمَحْضَةِ) iaitu penggabungan yang memberikan konotasi khusus dikenali sebagai ta'rif (تَعْرِيفٌ). Ia berlaku sekiranya kata mudaf ilayhi (مضَافٌ إِلَيْهِ) merupakan kata nama ma'rifa (معرفة)... manakala selainnya iaitu penggabungan bukan mahdah (إِضَافَةُ غَيْرِ الْمَحْضَةِ) tidak memberi apa-apa konotasi salah satu daripadanya bahkan merupakan kerengangan sahaja ketika menyebut dengan pengguguran baris dua (التَّنْوِينُ)*”.

Selain contoh tersebut, al-Sayūṭī menampilkan contoh lain bagi penggabungan bukan mahdah (إِضَافَةُ غَيْرِ الْمَحْضَةِ). Menurut beliau, kesemua penggabungan (الإِضَافَةِ) yang melibatkan kata nama pelaku (الْمَفْعُولُ), Sifat musyabbahat (الصِّفَةُ) dan objeknya (اسْمُ الْفَاعِلِ) kepada perubah fleksinya (الْمَعْوُلُ) (المُشَبَّهُ) merupakan contoh bagi penggabungan bukan mahdah (إِضَافَةُ غَيْرِ الْمَحْضَةِ). Manakala penggabungan dengan kata terbitan (إِضَافَةُ الْمَصْدَرِ) dan kata nama perbandingan (اسْمُ التَّفْضِيلِ) merupakan contoh bagi penggabungan mahdah (إِضَافَةُ الْمَحْضَةِ).

Oleh yang demikian, penggabungan (الإِضَافَةِ) kepada perubah fleksi atau penggabungan bukan mahdah (إِضَافَةُ غَيْرِ الْمَحْضَةِ) mesti menunjukkan masa kini atau akan datang. Sekiranya menunjukkan masa lampau, ia dianggap sebagai penggabungan bukan mahdah (إِضَافَةُ الْمَحْضَةِ) kerana ia tidak boleh dipisahkan.

Contohnya penggabungan (الإِضَافَةِ) kata terbitan kepada perubah fleksi (الْمَعْوُلُ) sama ada nominatif (مَوْفُوعٌ) atau akusatif (مَنْصُوبٌ).

Penjelasan ini terdapat dalam rangkaikata berikut:

....وَفِيهِم مِنْ تَقْيِيدِ الِإِضَافَةِ بِكُونِهَا إِلَى الْمَعْوُلِ إِشْتِرَاطٌ كَوِّنِهَا بِمَعْنَى الْحَالِ أَوِ الْاسْتِقبَالِ فَإِنْ

كَانَتْ بِمَعْنَى الْمَاضِي، فِيَاضَافَتْهَا مَحْضَةً لِأَنَّهَا لَيْسَتْ فِي تَقْدِيرِ الِإِنْفَصَالِ (قِيلَ: وَ مِنْهُ إِضَافَةُ

(الْمَصْدِرِ) إِلَى مَرْفُوعِهِ أَوْ مَنْصُوبِهِ....

(Al-Sayūtīy 1997:2:414)

Maksudnya:

“ ....dan dapat difahami daripada sesuatu ikatan penggabungan dengan perubah fleksi (المَعْوُلُ) (إِضَافَةُ) mestilah membawa makna kala kini (الْحَالِ) dan kala akan datang (الْاسْتِقبَالِ). Sekiranya ia membawa makna kala lampau (الْمَاضِي)، penggabungannya merupakan kategori penggabungan *mādah* (إِضَافَةُ الْمَحْضَةِ) kerana tidak boleh dipisahkan sama halnya dengan penggabungan kata nama terbitan (إِضَافَةُ الْمَصْدِرِ) kepada kata nama *nominitif* (مرْفُوعٌ) dan kata nama *akusatif* (مَنْصُوبٌ).... ”

Penjelasan mengenai kategori penggabungan (إِضَافَةُ) menjurus

kepada perbincangan berkaitan dengan kata nama *muḍaf* (المُضَافُ).

#### 4.2.2(f). Pengguguran kata nama *muḍaf* (المُضَافُ).

Perspektif al-Sayūtīy telah mengharuskan pengguguran kata nama *muḍaf* (المُضَافُ) dalam perbahasan mengenai

penggabungan (إِضَافَةُ) dengan syarat ada bukti kewujudannya

(penggabungan (إِضَافَةُ)) seperti dalam firman Allah ﷺ أَوْ كَصَبَبِ

(Surah al-Baqara 2:19). Dalam ayat ini, kata nama *muḍaf* (

(المُضَافُ) telah digugurkan disebabkan kewujudannya merupakan

andaian daripada ayat كَاصْحَابِ صَيْبٍ. Demikian juga boleh

digugurkan kata mudaf (المُضَافُ) dan kata mudaf ilayhi (المُضَافُ إِلَيْهِ)

dan perkataan yang ketiga yang mengikutinya seperti dalam

firman Allah s.w.t. ﴿فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ﴾ (Surah al-Hajj 22:32)

merupakan andaian daripada ayat ﴿فَإِنَّ تَعْظِيمَهَا مِنْ أَفْعَالِ ذُوِي تَقْوَى﴾. Hal

ini dapat dilihat menerusi pernyataan beliau seperti berikut:

(مسألة): (يُحذَفُ المُضَافُ لِدَلِيلِ) جَوَازًا نَحْوَ ﴿أَوْ كَصَيْبٍ﴾ أَيْ كَاصْحَابِ صَيْبٍ... وَقَدْ

يُجْذَفُ مُتَضَافَانِ وَ ثَلَاثَةُ نَحْوَ ﴿فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ﴾ أَيْ: فَإِنَّ تَعْظِيمَهَا مِنْ أَفْعَالِ ذُوِي

تَقْوَى

(Al-Sayūtīy 1997:2:414)

Maksudnya:

“ Kata nama mudaf harus digugurkan sekiranya ada bukti seperti firman Allah ﴿أَوْ كَصَيْبٍ﴾ merupakan andaian daripada ayat كَاصْحَابِ صَيْبٍ...kadangkala kata mudaf (المُضَافُ ) boleh digugurkan bersama-sama dan kata mudaf ilayhi (المُضَافُ إِلَيْهِ ) dan perkataan yang ketiga seperti dalam firman Allah s.w.t. ﴿فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ﴾ merupakan andaian daripada ayat ﴿فَإِنَّ تَعْظِيمَهَا مِنْ أَفْعَالِ ذُوِي تَقْوَى﴾ ”. ذُوِي تَقْوَى

Selain mengharuskan pengguguran kata nama muḍaf (المُضَافُ)

dalam topik penggabungan (الإِضَافَةُ), al-Sayūṭī turut

membincangkan hukum memisahkan kata nama muḍaf (المُضَافُ)

dengan kata nama muḍaf ilayhi (المُضَافُ إِلَيْهِ).

#### 4.2.2(g). Pemisahan kata muḍaf (المُضَافُ).

Perspektif al-Sayūṭī dengan jelas menyatakan kata nama muḍaf

(المُضَافُ) dan kata nama muḍaf ilayhi (المُضَافُ إِلَيْهِ) tidak boleh berlaku

pemisahan antara kedua-duanya secara pilihan (اختياراً).

Walaubagaimanapun, al-Sayūṭī mengharuskan pemisahan sekiranya terdapat objek (المفعولُ) atau kata nama keterangan

(الظرفُ) di antara kata nama muḍaf (المُضَافُ) dan kata nama muḍaf

ilayhi (المُضَافُ إِلَيْهِ) seperti bacaan Ibn ‘Āmir ﷺ: قُتِلَ أَوْلَادُهُمْ شُرَكَائِهِمْ.

Penjelasan tersebut terkandung dalam ungkapan berikut:

(مسألة): (لَا يَفْصُلُ بَيْنَ الْمُضَافَيْنِ) أي المُضَافُ إِلَيْهِ (اختياراً) لِأَنَّهُ مِنْ تَمَاهِهِ، وَمُنْزَلٌ مِنْهُ مَنْزِلَةَ

الثَّوَيْنِ (إِلَّا بِمَفْعُولِهِ وَظَرْفِهِ عَلَى الصَّحِيحِ) كَقِرَاءَةِ ابنِ عَمِّرِ: ﴿ قُتِلَ أَوْلَادُهُمْ شُرَكَائِهِمْ ﴾

(al-Sayūṭī 1997:2:414)

Maksudnya:

“ Tidak boleh berlaku pemisahan antara kedua-duanya secara pilihan (اختياراً) kerana sistemnya yang sudah lengkap dan berperanan menggantikan kedudukan baris dua kecuali dengan kewujudan objek (المفعول) dan kata nama keterangan seperti bacaan Ibn ‘Amir ﷺ قَتَلَ أُولَادُهُمْ شُرَكَائِهِمْ (الطرف). ”

Fokus perbincangan al-Sayūṭī berkaitan dengan pemisahan kata nama mudāf (المضاف) dan kata nama mudāf ilayhi (المضاف إليه) berpindah kepada kesan perkataan yang bersebelahan dengan kata mudāf ilayhi (المضاف إليه).

#### 4.2.2(h). Penggabungan (الإضافة) dan al-Jarr bi al-mujāwaraṭ (الجر بالمجاورة).

Al-Sayūṭī telah menjelaskan bahawa sesuatu perkataan boleh berada secara genitif (الجر) hanya kerana bersebelahan dengan kata mudāf ilayhi (المضاف إليه). Perspektif ini termaktub dalam

“Ham'u al-Hawāmi'i Fī Syarḥi Jam'i al-Jawāmi'i (هَمْنُ الْهَوَامِعِ فِي شَرْحِ)

(الْجَرِ). Ia dikenali sebagai al-Jarr bi al-mujāwaraṭ (الجر بالمجاورة).

Menurut al-Sayūṭī hal ini terjadi ketika perkataan tersebut berfungsi sebagai adjektif (النَّعْتُ) seperti ungkapan

mereka atau kata penguat (الثَّوْكِيدُ) seperti dalam

bait syair mereka . يَا صَاحِبُ لِلْجَرْأَةِ كُلُّهُمْ Pernyataan berkaitan persoalan ini tertera di dalam ungkapan berikut:

(أَثَبْتَ الْجُمْهُورُ مِنَ الْبَصَرِيِّينَ وَالْكُوَفِيِّينَ (الْجَرْأَةِ بِالْمُجاوَرَةِ لِلْمَجْرُورِ فِي نَعْتٍ) كَقَوْلِهِمْ: هَذَا

جُحْرُ ضَبٌّ خَرَبٌ، (وَّتُوكِيدٌ) كَقَوْلِهِمْ يَا صَاحِبُ لِلْجَرْأَةِ كُلُّهُمْ

(Al-Sayūṭī 1997:2:440)

Maksudnya:

“ Majoriti ahli tatabahasa Arab Basrah dan Kufah telah menetapkan *al-Jarr bi al-mujāwarat* (الْجَرْأَةِ بِالْمُجاوَرَةِ) berperanan menetapkan fleksi sesuatu perkataan itu berada secara *genitif* (المَجْرُورُ ) sama ada ketika perkataan tersebut berfungsi sebagai *adjektif* seperti ungkapan mereka (النَّعْتُ) atau ketika berfungsi sebagai kata penguat (الْتُّوكِيدُ ) seperti dalam bait syair mereka ” يَا صَاحِبُ لِلْجَرْأَةِ كُلُّهُمْ

Analisis topik penggabungan (الإضافة) dari perspektif al-Sayūṭī

dapat disimpulkan menerusi rajah 4.7 berikut:



Rajah 4.4: Penggabungan (الإضافة) menurut perspektif al-Sayūtīy

### **4.3. Sistem I'rāb (الإعراب) Kata Nama Terbitan (المصدر).**

Dalam bahagian ini, penulis akan memaparkan dapatan kajian sistem i'rāb (الإعراب) berkenaan dengan kata nama terbitan (المصدر) daripada perspektif Sibawayh diikuti dengan perspektif al-Sayūṭī.

#### **4.3.1. Perspektif Sibawayh Terhadap Kata Nama Terbitan (المصدر) .**

Berdasarkan analisis terhadap teks dalam al-kitāb (الكتاب) berkaitan tajuk di atas, perspektif Sibawayh terhadap kata nama terbitan (المصدر) dapat dilihat dengan jelas seperti berikut:

##### **4.3.1(a) Dari segi fungsi**

Sibawayh menyatakan bahawa kata nama terbitan (المصدر) berfungsi seperti kata kerja kerana ia mengambil alih kedudukan kata kerja kala kini (الفعل المضارع) dari aspek fungsi dan makna. Antara penjelasan berkaitan adalah seperti berikut:

هذا بابٌ مِنَ المصادرِ جَرَى مَحْرَى الفِعْلِ الْمُضَارِعِ فِي عَمَلِهِ وَ مَعْنَاهُ ...

(Sibawayh:1999:1:249)

Maksudnya:

“ *Ini merupakan satu bab kata nama terbitan (المصدر) seperti kata kerja kala kini (الفعل المضارع) dari aspek fungsi dan makna... .* ”

Perbincangan yang seterusnya akan menjelaskan perbezaan makna kata nama terbitan (المَصْدُرُ) dengan kata nama pelaku (الْفَاعِلُ) (اسم الفاعل).

#### **4.3.1(b) Perbezaan aspek makna kata nama terbitan (المَصْدُرُ)**

**dengan kata nama pelaku (اسم الفاعل).**

Perspektif Sibawayh dalam topik ini tertumpu kepada perbezaan aspek makna kata nama terbitan (المَصْدُرُ) dengan kata nama pelaku

(اسم الفاعل). Menurut beliau, kata nama terbitan (المَصْدُرُ) bukanlah kata

nama pelaku (اسم الفاعل) sekalipun terdapat tanda-tanda kewujudan

kata nama pelaku (اسم الفاعل). Ini adalah kerana, kata nama pelaku

(هَذَا ضَارِبٌ) dengan jelas memaparkan pelaku (اسم الفاعل)

manakala kata nama terbitan (المَصْدُرُ) memerlukan pelaku atau

objek (مَعْوُلٌ بِهِ), atau kedua-duanya sekali. Penjelasan ini terdapat

dalam pernyataan berikut:

...فَالْمَصْدُرُ لَيْسَ بِالْفَاعِلِ وَإِنْ كَانَ فِيهِ دَلِيلٌ عَلَى الْفَاعِلِ، فَلِذَلِكَ احْتَجَتْ فِيهِ إِلَى الْفَاعِلِ وَمَفْعُولٍ، وَلَمْ تَحْتَاجْ حِينَ قُلْتَ: "هَذَا ضَارِبٌ زَيْدًا" إِلَى فَاعِلٍ ظَاهِرٍ، لَأَنَّ الْمُضَرَّ فِي (ضَارِبٌ) هُوَ الْفَاعِلُ.

(Sibawayh:1999:1:249).

Maksudnya:

"...kata nama terbitan (المصدر) bukanlah pelaku (الفاعل) sekalipun terdapat tanda pelaku (الفاعل). Hal ini disebabkan pada kata nama terbitan (المصدر) anda memerlukan pelaku (الفاعل) dan objek (مفعول) (ب) sedangkan ketika anda mengungkapkan kata anda tidak memerlukan kepada pelaku (الفاعل) yang jelas (ظاهر) kerana gantinama pada perkataan ضارب itulah pelakunya".

Di samping memaparkan perbezaan makna kata nama terbitan (الاسم المذكر) dengan kata nama pelaku (الفاعل), Sibawayh turut membincangkan isu-isu berkaitan tanwīn (التشوين) pada kata nama terbitan (المصدر).

#### **4.3.1(c) Dari segi pengekalan dan pengguguran tanwīn (التشوين) pada kata nama terbitan (المصدر).**

Menerusi analisis yang dijalankan, Sibawayh menegaskan keharusan mengekalkan tanwīn (التشوين) pada kata nama terbitan (المصدر) atau menggugurnya. Menurut beliau lagi, sekiranya

tanwīn dikekalkan, pola ayat yang digunakan adalah seperti ini عَجِبْتُ مِنْ كِسْوَةِ زَيْدٍ أَبُوهُ

manakala ketika digugurkan pola ayatnya akan bertukar seperti ini عَجِبْتُ مِنْ كِسْوَةِ زَيْدٍ أَبَاهُ . Hal ini telah dijelaskan dalam petikan berikut:

وَإِنْ شِئْتَ حَذَفْتَ التَّسْوِينَ كَمَا حَذَفْتَ فِي الْفَاعِلِ..... وَتَقُولُ: (عَجِبْتُ مِنْ كِسْوَةِ زَيْدٍ أَبُوهُ), وَ

(عَجِبْتُ مِنْ كِسْوَةِ زَيْدٍ أَبَاهُ), إِذَا حَذَفَتِ التَّسْوِينَ....

(Sibawayh:1999:1:241)

Maksudnya:

“ Sekiranya anda mahu , **anda boleh gugurkan baris dua (التسوين)** seperti ketika anda gugurkannya pada pelaku (الفاعل) lalu anda katakan (عَجِبْتُ مِنْ كِسْوَةِ زَيْدٍ أَبَاهُ ) dan (عَجِبْتُ مِنْ كِسْوَةِ زَيْدٍ أَبُوهُ ) ketika anda gugurkan baris dua (التسوين).... ”

Perbahasan seterusnya adalah berkaitan dengan kewujudan partikel sendi (العطف) bagi pola ayat yang mengandungi kata nama terbitan

(المصدر).

**4.3.1(d) Dari aspek kewujudan partikel sendi (العطف) bagi pola**

**ayat yang mengandungi kata nama terbitan (المصدر).**

Analisis terhadap al-kitāb (الكتاب) menunjukkan, Sībawayh

mempunyai pola-pola ayat tertentu terhadap kata nama terbitan (المصدر) yang mempunyai partikel sendi (العطف). Sekiranya sesuatu

ayat tidak memerlukan objek (مفعول به) pola ayatnya adalah seperti ini

عَجِبْتُ مِنْ ضَرْبِ زَيْدٍ وَعُمْرِهِ. Manakala pola ayat yang memerlukan objek

عَجِبْتُ لَهُ مِنْ ضَرْبِ زَيْدٍ (مفعول به) pula, pola ayatnya adalah seperti berikut

عَجِبْتُ لَهُ مِنْ ضَرْبِ زَيْدٍ . وَعُمْرًا (الإعراب) Kaedah ini merupakan analogi daripada sistem i'rāb (الإعراب)

yang terdapat pada kata nama pelaku (اسم الفاعل). Sībawayh telah

menjelaskannya dalam al-Kitāb (الكتاب) seperti berikut:

وَتَقُولُ (عَجِبْتُ مِنْ ضَرْبِ زَيْدٍ وَعُمْرِهِ) إِذَا أَشْرَكْتَ بَيْنَهُمَا كَمَا فَعَلْتَ ذَلِكَ فِي الْفَاعِلِ. وَمَنْ قَالَ

: (هَذَا ضَارِبُ زَيْدٍ وَعُمْرًا) قَالَ: (عَجِبْتُ لَهُ مِنْ ضَرْبِ زَيْدٍ وَعُمْرِهِ) كَانَهُ أَضْمَرَ: (وَيَضْرِبُ عُمْرًا, أَوْ

(وَضَرَبَ عُمْرًا).

(Sībawayh:1999:1:242)

Maksudnya:

“ **Gunakanlah pola عَجِبْتُ مِنْ ضَرْبِ زَيْدٍ وَعُمْرِهِ ketika kewujudan partikel sendi (العطف) seperti yang anda kiaskan dalam perbahasan kata nama pelaku (اسم الفاعل).** Sesiapa yang telah menggunakan pola ayat kata nama pelaku ini (اسم الفاعل) ini , **هَذَا ضَارِبُ زَيْدٍ وَعُمْرًا** hendaklah ia menggunakan pola ayat ini **عَجِبْتُ لَهُ مِنْ ضَرْبِ زَيْدٍ وَعُمْرِهِ** dalam perbahasan kata nama terbitan (المصدر). Seolah-olahnya ia telah menggugurkan kewujudan ayat atau يَضْرِبُ عُمْرًا atau ضَرَبَ عُمْرًا. ”

#### 4.3.1(e) Dari aspek penggandingan kata nama terbitan (**المَصْدُر**)

dengan alif dan lām (ا ل).

Menurut perspektif Sībawayh, sekiranya kata nama terbitan (**المَصْدُر**)

yang berganding dengan alif dan lām (ا ل) pola ayat adalah seperti

berikut. عَجِبْتُ مِنْ الضَّرْبِ زَيْدًا . Perkataan زَيْدًا berada secara akusatif

disebabkan oleh kata nama terbitan (**الْمَصْدُر**) yang

bergandingan dengan alif dan lām (ا ل). Manakala alif dan lām (ا ل)

seperti kedudukan tanwin (الثَّوْنَى). Hal ini merupakan analogi

daripada kaedah kata nama pelaku (**إِسْمُ الْفَاعِلِ**). Penjelasan ini dapat

dilihat melalui pernyataan beliau seperti berikut:

وَتَقُولُ (عَجِبْتُ مِنْ الضَّرْبِ زَيْدًا) كَمَا قُلْتَ: (عَجِبْتُ مِنْ الصَّارِبِ زَيْدًا) يَكُونُ الْأَلِفُ وَاللَّامُ بِمَنْزِلَةِ الثَّوْنَى.

(Sībawayh:1999:1:243)

Maksudnya:

“ *Hendaklah anda mengungkapkan عَجِبْتُ مِنْ الضَّرْبِ زَيْدًا*  
sebagaimana anda mengungkapkan عَجِبْتُ مِنْ الصَّارِبِ زَيْدًا.  
Manakala alif dan lām (ا ل) pada kata nama terbitan (**المَصْدُر**) seperti  
kedudukan tanwīn (الثَّوْنَى)”. ”

#### 4.3.1(f) Dari aspek penggabungan kata nama terbitan (المُصْدَرُ).

Menurut perspektif Sibawayh, penggabungan kata nama terbitan (المُصْدَرُ) boleh berlaku dengan perkataan selepasnya yang menjadi pelaku (الفَاعِلُ) atau objek (الْمَعْوُلُ) baginya berdasarkan kaedah yang digunakan dalam topik kata nama pelaku (اسم الفاعل) seperti dalam pola ayat berikut adalah dibolehkan *هَذَا ضَرْبٌ عَبْدِ اللَّهِ*. Penjelasan di pihak Sibawayh dapat dilihat seperti berikut:

وَإِنْ شِئْتَ قُلْتَ: "هَذَا ضَرْبٌ عَبْدِ اللَّهِ", كَمَا تَقُولُ: "هَذَا ضَارِبٌ عَبْدِ اللَّهِ".

(Sibawayh:1999:1:244)

Maksudnya:

"Sekiranya anda mahu anda boleh kata (gabungkan) seperti *هَذَا ضَرْبٌ عَبْدِ اللَّهِ* seperti yang anda pernah katakan pada kata nama pelaku (اسم) *هَذَا ضَارِبٌ عَبْدِ اللَّهِ*. (الفاعل)".

#### 4.3.1(g) Penggabungan kata nama terbitan (المُصْدَرُ dengan kata nama keterangan (الظُّرفُ).

Menurut Sibawayh (1999:1:244), kata nama terbitan (المُصْدَرُ juga boleh digabungkan dengan kata nama keterangan (الظُّرفُ seperti

عَجِبْتُ مِنْ ضَرْبِ الْيَوْمِ زَيْدًا sebagai kiasan terhadap kaedah yang

digunakan. Sibawayh menjelaskan penggabungan kata keterangan dengan kata nama pelaku (اسم الفاعل) bertujuan untuk meluaskan ujaran seperti yang dikatakan oleh Sibawayh:

فَتَجْرِي (اللَّيْلَةُ) عَلَى الْفِعْلِ فِي سَعَةِ الْكَلَامِ كَمَا قَالَ: (صَبَدَ عَلَيْهِ يَوْمَانْ) وَ(وُلَدَ لَهُ سِتُّونَ عَامًا)

(Sibawayh:1999:1:233)

Maksudnya:

"Perkataan (اللَّيْلَةُ) berperanan selari dengan kata kerja (الفِعْلِ) untuk meluaskan ujaran seperti dalam ujaran ini dan صَبَدَ عَلَيْهِ يَوْمَانْ ... وُلَدَ لَهُ سِتُّونَ عَامًا".

Oleh yang demikian, penggabungan perkataan الْيَوْمُ dengan kata nama terbitan (المَصْدَرُ), iaitu ضَرْبٌ mempunyai tujuan yang sama dengan penggabungan kata nama keterangan (الظُّرْفُ) dengan kata nama pelaku (اسم الفاعل) seperti yang dijelaskan oleh Sibawayh:

... وَتَقُولُ: "عَجِبْتُ مِنْ ضَرْبِ الْيَوْمِ زَيْدًا", كَمَا قَالَ (مِنَ الرَّجَزِ): يَاسَارِقَ اللَّيْلَةَ أَهْلَ الدَّارِ.


(Sibawayh:1999:1:244)

Maksudnya:

"... Anda boleh katakan "عَجِبْتُ مِنْ ضَرْبِ الْيَوْمِ مِنْ زَيْدًا" sebagaimana yang ia katakan pada bait syair "يَاسَارِقَ اللَّيْلَةَ أَهْلَ الدَّارِ".

Ringkasan terhadap topik kata nama terbitan (المُصْدَرُ) dari perspektif

Sibawayh dapat disaksikan menerusi rajah 4.5.



Rajah 4.5: Kata nama terbitan (المُصْدَرُ) menurut perspektif Sibawayh

#### 4.3.2. Perspektif al-Sayūṭī Terhadap Kata Nama Terbitan (المُصْدَرُ) .

Berdasarkan analisis terhadap teks dalam Ham'u al-Hawāmi'i Fī Syarḥi

Jam'i al-Jawāmi'i (ہمیں الہوامی فی شرح جمع الجوابیم berkaitan tajuk di atas,

perspektif al-Sayūṭīy terhadap kata nama terbitan (المَصْدُرُ) dapat dilihat dengan jelas seperti berikut:

#### 4.3.2(a) Dari segi fungsi.

Al-Sayūṭīy menjelaskan fungsi kata nama terbitan (المَصْدُرُ) adalah seperti kata kerja (الفَعْلُ) sama ada kata kerja transitif (المُتَعَدِّدُي) kepada satu objek atau lebih atau kata kerja tak transitif (لَا زِمْنُ ) serta tidak terikat dengan masa. Perspektif beliau berkaitan perkara di atas adalah seperti berikut:

المَصْدُرُ أَيْ: هَذَا مَبْحَثٌ إِعْمَالِهِ (يَعْمَلُ كَفَعْلِهِ) لَا زِمْنًا، وَمُتَعَدِّدًا إِلَى وَاحِدٍ، فَأَكْثَرُ... وَلَذَا لَمْ يَقْيِدْ

عَمَلُهُ بِزَمَانٍ.

(Al-Sayūṭīy 1997:3.43)

Maksudnya:

“ (kata nama terbitan): iaitu perbincangan tentang fungsinya. **(berfungsi seperti kata kerja (الفَعْلُ) sama ada kata kerja itu tak transitif (لَا زِمْنُ ) atau kata kerja transitif kepada satu objek atau lebih (مُتَعَدِّدُي إِلَى وَاحِدٍ أَوْ أَكْثَرُ )... Oleh yang demikian, fungsi kata nama terbitan (المَصْدُرُ ) tidak dikaitkan dengan masa ”.**

Seterusnya, al-Sayūṭīy telah menetapkan syarat untuk berfungsi bagi kata nama terbitan (المَصْدُرُ ).

**4.3.2(b) Kata nama terbitan (المُصْدَرُ) yang berfungsi mestilah tunggal mukabbir (مُكَبِّرًا), tidak terhad (عَيْنُ مَحْدُودٍ), bukan musaghir (مَحْدُودٌ)، bukan jamak (مَجْمُوعًا)، tidak terhad dengan huruf ta (بِالْتَاءِ) serta tidak bersambung dengan ganti nama (مُضَمِّرًا).**

Al-Sayūṭī mempunyai perspektif yang tersendiri dalam aspek ini. Beliau telah meletakkan beberapa syarat terhadap kata nama terbitan (المُصْدَرُ) untuk berfungsi. Menurut beliau kata nama terbitan (المُصْدَرُ yang berfungsi mestilah tunggal dari aspek bilangan. Oleh yang demikian, kata nama terbitan (المُصْدَرُ tidak dapat berfungsi sebagai kata kerja (الفِعْلُ) sekiranya ia menunjukkan bilangan dua (الْمُشَتَّى) atau bilangan banyak (جِمْعٌ). Justeru, tidak boleh menggunakan perkataan yang menunjukkan bilangan dua (الْمُشَتَّى) seperti dalam ayat ini عَجِبْتُ مِنْ ضَرِيْبَكَ زَيْدًا. Demikian juga, kata nama terbitan (المُصْدَرُ bukan kata nama musaghir (مُضَمِّرًا) contohnya عَرَفْتُ. Selain itu, kata nama terbitan (المُصْدَرُ mestilah tidak terhad dengan huruf ta (مَحْدُودٌ بِالْتَاءِ) contohnya عَجِبْتُ مِنْ ضَرِيْبَكَ زَيْدًا. Kata nama terbitan (المُصْدَرُ juga tidak dapat berfungsi jika bersambung dengan

gantinama seperti ”ضَرْبُكَ زَيْدًا حَسَنٌ وَهُوَ الْمُحْسِنُ قَبِيلٌ“ . Perbahasan ini telah dihuraikan oleh al-Sayūtīy seperti berikut:

(الْمَصْدُرُ)... (يَعْمَلُ كَفِيلِهِ) ... (إِنْ كَانَ مُفْرَدًا مُكَبِّرًا غَيْرَ مَحْدُودٍ، وَكَذَا) إِنْ كَانَ (ظَاهِرًا عَلَى الأَصْحَاحِ) فَلَا يَعْمَلُ مُثْنَى، فَلَا يُقَالُ: عَجِبْتُ مِنْ ضَرْبِيَّكَ زَيْدًا، وَلَا مَجْمُوعًا وَلَا مُصَغَّرًا كَعْرَفْتُ ضَرْبِيَّكَ زَيْدًا وَلَا مَحْدُودًا بِالثَّاءِ كَعَجِبْتُ مِنْ ضَرْبِيَّكَ زَيْدًا... وَلَا مُضْمَرًا، كَضَرْبُكَ زَيْدًا حَسَنٌ وَهُوَ الْمُحْسِنُ...

(Al-Sayūtīy 1997:3.:43)

Maksudnya:

“ (kata nama terbitan (الْمَصْدُرُ)... (berfungsi seperti kata kerja jika ia merupakan kata yang mukabbir (مُكَبِّرٌ), tidak terhad (الْفَعْلُ) dan dalam keadaan nyata mengikut pendapat yang lebih kuat. Oleh yang demikian, ia tidak berfungsi ketika ia menunjukkan bilangan banyak (جَمْعٌ atau bilangan dua muthanna (الْمُشَتَّتُ)) seperti kata muthanna (الْمُشَتَّتُ) dalam ayat ini (الْمُشَتَّتُ). Demikian juga, kata nama terbitan (الْمَصْدُرُ) mestilah bukan kata nama musagghir (مُصَغَّرٌ) contohnya عَرَفْتُ ضَرْبِيَّكَ زَيْدًا Selain itu, kata nama terbitan (الْمَصْدُرُ) mestilah tidak terhad dengan huruf ta (تَاءُ الْمَحْدُودٍ) contohnya Kata nama terbitan (الْمَصْدُرُ) juga tidak dapat berfungsi jika bersambung dengan gantinama seperti ضَرْبِكَ زَيْدًا حَسَنٌ وَهُوَ الْمُحْسِنُ قَبِيلٌ“.

Selepas, meletakkan syarat kata nama terbitan (الْمَصْدُرُ) untuk berfungsi, beliau menegaskan kewujudan partikel 'an al-masdariyat

(ما المُصْدَرِيَّة) atau partikel mā al-masdariyat (أن المُصْدَرِيَّة) dan kata kerja (الْفِعْلُ) adalah kemestian.

**4.3.2(c) Kata nama terbitan (المُصْدَرُ mempunyai partikel 'an al-masdariyat (أن المُصْدَرِيَّة) atau partikel mā al-masdariyat (ما المُصْدَرِيَّة)** dan kata kerja (الْفِعْلُ).

Menurut al-Sayūtī kata nama terbitan (المُصْدَرُ ) mesti mempunyai partikel akusatif yang dikenali sebagai 'an al-masdariyat (أن المُصْدَرِيَّة) atau partikel mā al-masdariyat (ما المُصْدَرِيَّة) dan kata kerja (الْفِعْلُ).

Kewujudannya iaitu (أَنْ) atau (مَا) dan kata kerja (الْفِعْلُ) hanya dalam bentuk andaian sahaja (المُقَدَّرُ). Al-Sayūtī menjelaskan keterangan ini seperti berikut:

... (وَيُقَدِّرُ بِأَنْ) الْمُصْدَرِيَّة مُحَفَّفَةٌ أَوْ غَيْرُهَا ... (أَوْ مَا الْمُصْدَرِيَّة) وَالْفِعْلُ فِي "أَنْ"

غَيْرُ الْمُحَفَّفَةِ لِلِّمَاضِي ...

(Al-Sayūtī 1997:3.:44)

Maksudnya:

"...kata nama terbitan (المُصْدَرُ ) mesti diandaikan dengan partikel 'an al-masdariyah (أن المُصْدَرِيَّة) atau partikel ma al-masdariyah (ما المُصْدَرِيَّة)

**dan kata kerja (الفعل) pada pada (المصدرية) khusus untuk kata kerja kala lampau (الفعل الماضي) ... ”**

Al-Sayūtī juga turut menegaskan kata nama terbitan (المصدر) tidak boleh didahului oleh perubah fleksinya (مَعْمُولٌ).

#### **4.3.2(d) Kata nama terbitan (المصدر) tidak didahului oleh perubah fleksinya (مَعْمُولٌ).**

Menurut Al-Sayūtī kata nama yang menjadi perubah fleksi (مَعْمُولٌ) kepada kata nama terbitan (المصدر) tidak boleh mendahului kata nama terbitan (المصدر) tetapi bagi objek (مَفْعُولٌ عَلَيْهِ) kata nama terbitan (المصدر) harus di dahulukan menurut pandangan Ibn Sirāj seperti يُعْجِبُنِي عُمْرًا . ضَرْبُ زَيْدٍ . Penjelasan ini boleh ditemui pada kenyataan al-Sayūtī seperti berikut:

... (وَمِنْ تَمَّ)... (لَمْ يُقَدِّمْ مَعْمُولُهُ عَلَيْهِ) لَا إِنَّهُ كَالْمَوْصُولِ، وَمَعْمُولُهُ كَالصَّلَةِ، وَالصَّلَةُ لَا تَقْدَمُ عَلَى

الْمَوْصُولَةِ...

(al-Sayūtī 1997:3.:46)

Maksudnya:

“...(tambahan pula)... **perubah fleksi** (مَعْمُولٌ) kepada kata nama terbitan (الْمَصْدَرُّ) **tidak boleh mendahului** kata nama terbitan (الْمَصْدَرُّ) kerana ia menyerupai al-mawṣūl (الْمَوْصُولُّ) yang mempunyai *śilah* (الصلة) yang tidak boleh mendahuluinya... ”.

Selain perubah fleksi (مَعْمُولٌ) kepada kata nama terbitan (الْمَصْدَرُّ) tidak boleh mendahului kata nama terbitan (الْمَصْدَرُّ), al-Sayūṭī juga turut menjelaskan isu Pemisahan perubah fleksi (مَعْمُولٌ) dengan kata nama terbitan (الْمَصْدَرُّ).

#### 4.3.2(e) Pemisahan dengan kata nama terbitan (الْمَصْدَرُّ).

Menurut al-Sayūṭī tidak boleh pisahkan antara kata nama yang menjadi perubah fleksi (مَعْمُولٌ) kepada kata nama terbitan (الْمَصْدَرُّ) dan kata nama terbitan (الْمَصْدَرُّ) dengan tawābi (التَّوَابِعُ) dan selainnya.

Oleh yang demikian, pola ayat berikut adalah tidak dibenarkan عَجِبٌ

لَا مِنْ شُرْبَكَ وَأَكْلَكَ الْبَنَ . . . . . منْ ضَرْبِكَ الشَّدِيدِ زَيْدًا . Penjelasan mengenai topik

ini terdapat dalam Ham'u al-Hawāmi'i Fī Syarḥi Jam'i al-Jawāmi'i (هَمْعُ)

oleh al-Sayūṭī seperti berikut:

... (و) مِنْ ثُمَّ أَيْضًا (لَا يَفْصُلُ مِنْ مَعْمُولِهِ بِتَابِعٍ أَوْ غَيْرِهِ) كَمَا لَا يَفْصُلُ بَيْنَ الْمَوْصُولِ وَ صَلَبَتِهِ، ...

(Al-Sayūtī 1997:3:46)

Maksudnya:

“...tambahan lagi... tidak boleh pisahkan antara kata nama yang menjadi perubah fleksi (معْسُولٌ) kepada kata nama terbitan (المَصْدَرُ) dengan kata yang mengikut (تَابِعٌ) atau selainnya seperti tidak boleh dipisahkan antara kata mawṣūl (الْمَوْصُولِ) dan šilahnya (صلَبَةً)...”

Selain daripada tidak boleh berpisah dengan perubah fleksi (معْسُولٌ),

al-Sayūtī turut menyatakan kata nama terbitan (المَصْدَرُ) merupakan kata nama yang bertukar (مُؤَوَّلٌ) daripada gantinama (إِضْمَارٌ).

**4.3.2(f) Kata nama terbitan (المَصْدَرُ)** merupakan kata nama yang bertukar (مُؤَوَّلٌ) daripada gantinama (إِضْمَارٌ).

Menurut al-Sayūtī, kata nama terbitan (المَصْدَرُ) dalam keadaan ini

merupakan kata nama yang bertukar (مُؤَوَّلٌ) daripada gantinama

(مُؤَوَّلٌ) contohnya إِنَّهُ عَلَى رَجْعِهِ لَقَادِرٌ merupakan tukaran (إِضْمَارٌ) daripada

. بِرْجَعَهُ . Al-Sayūtī menjelaskan penjelasan berikut dalam ungkapan

ini:

...فَمُؤْوَلٌ عَلَى إِصْمَارٍ: يَسْتُ مِنْ نُوَالَّكُمْ، وَكَذَا قَوْلُهُ تَعَالَى: ﴿إِنَّهُ عَلَى رَجْحِهِ لَقَادِرٌ يَوْمَ ثُبَّلَى

السَّرَّائِي

يُقَدِّرُ: بَرِّ جَهَنَّمَ يَوْمَ

(Al-Sayūtīy 1997:3.:46)

Maksudnya:

“ Kata nama terbitan (**المَصْدُرُ**) dalam keadaan ini merupakan tukaran

اِنَّهُ عَلَى يَسْتُ مِنْ نُوَالَّكُمْ dan **daripada gantinama** (**إِصْمَارٍ**) contohnya merupakan **ta'wilan** (**مُؤْوَلٌ**) **daripada** رَجْحِهِ لَقَادِرٌ ”. بَرِّ جَهَنَّمَ يَوْمَ

Seterusnya, al-Sayūtīy menjelaskan fungsi kata nama terbitan

(**المَصْدُرُ**) yang dikaitkan dengan masa tidak boleh diandaikan (**لَا يَقْدِرُ**).

**4.3.2(g) Fungsi kata nama terbitan (**المَصْدُرُ**) yang dikaitkan dengan**

**masa tidak boleh diandaikan (**لَا يَقْدِرُ**).**

Al-Sayūtīy menjelaskan fungsi kata nama terbitan (**المَصْدُرُ**) yang

dikaitkan dengan masa tidak boleh diandaikan (**لَا يَقْدِرُ**) bahkan ia

berfungsi secara zahir sama ada kala lampau (**مَاضِيٌّ**), kala kini (**الْحَالُ**)

dan kala akan datang (**الْمُسْتَبْلِغُ**). Ia dinyatakan dalam penjelasan al-

Sayūtīy seperti yang berikut:

... (وَلَا يَقْدِرُ عَمَلُهُ بِزَمَانٍ) بَلْ يَعْمَلُ مَاضِيًّا، وَحَالًا، وَمُسْتَبْلِغًا....

Maksudnya:

“...**kata nama terbitan** (المَصْدُرُ) yang dikaitkan dengan masa tidak boleh diandaikan (لَا يَقْسِمُ) bahkan ia berfungsi sama ada kala lampau (ماضٍ), kala kini (الحالُ) dan kala akan datang (المُسْتَقبلُ).”

Selain menjelaskan hubungan kata nama terbitan (المَصْدُرُ) dengan

masa sama ada kala lampau (ماضٍ), kala kini (الحالُ) dan kala akan

datang (المُسْتَقبلُ), al-Sayūtīy juga menjelaskan isu pengguguran kata

nama terbitan (المَصْدُرُ).

#### 4.3.2(h) Kata nama terbitan (المَصْدُرُ) tidak boleh digugurkan

(الْحَذْفُ).

Menurut perspektif al-Sayūtīy, kata nama terbitan (المَصْدُرُ) tidak boleh

digugurkan (الْحَذْفُ) kerana ia seperti kata nama al-mawsūl (الْمَوْصُولُ)

yang tidak boleh digugurkan. Selanjutnya beliau menjelaskan perbahasan ini dalam ungkapan berikut:

... (ولَا يُحِيدُ ذِفُّ) المَصْدُرُ (بَاقِيًّا مَعْمُولُهُ عَلَى الْأَصَحَّ), لِأَنَّهُ مَوْصُولٌ، وَالْمَوْصُولُ لَا يُحِيدُ ذِفُّ.

Maksudnya:

“...Kata nama terbitan (المَصْدُرُ) tidak boleh digugurkan (الْحَذْفُ) serta kekalkan perubah fleksinya (مَعْنُولُهُ) mengikut pandangan paling tepat kerana ia seperti al-mawsūl (الْمَوْسُولُّ) yang tidak boleh digugurkan ... ”.

Selain menyamakan kata nama terbitan (المَصْدُرُ dengan al-mawsūl

(الْمَوْسُولُّ) dari aspek pengguguran (الْحَذْفُ), al-Sayūṭī turut

menjelaskan tentang fungsi kata nama terbitan (المَصْدُرُ).

#### 4.3.2(i) Kata nama terbitan (المَصْدُرُ) bergabung dengan objek yang

**digugurkan pelakunya.**

Analisis teks berkaitan dengan kata nama terbitan (المَصْدُرُ dalam

buku al-Sayūṭī mendapati, kata nama terbitan (المَصْدُرُ berfungsi

seperti kata kerja (الفِعْلُ) apabila ia digabungkan dengan objek (مَفْعُولٌ

لَا يَسْتُمُ الْإِنْسَانُ مِنْ بِهِ) manakala pelakunya (الفَاعِلُ) digugurkan contohnya

asalnya دُعَاءُ الْخَيْرِ Seperti yang terdapat di dalam penjelasan

berikut:

...(و) يُضافُ (للْمَفْعُولِ فِيَخْدَفُ ) الفَاعِلَ كَقَوْلِهِ: لَا يَسْتُمُ الْإِنْسَانُ مِنْ دُعَاءِ الْخَيْرِ أَيْ: دُعَائِهِ الْخَيْرَ ...

(Al-Sayūtīy 1997:3:47)

Maksudnya:

“...*Penggabungan* (*kata terbitan*) boleh terjadi dengan objek yang digugurkan pelakunya seperti dalam firman Allah لَيَسْتُ إِلَّا إِنَّمَا مِنْ دُعَاءٍ ... دُعَائِهِ الْخَيْرِ yang asalnya الْخَيْرِ”

Seterusnya, al-Sayūtīy menjelaskan penggabungan pelaku (الفاعلُ)

dengan objek (مَفْعُولٌ بِهِ) dalam ayat yang mengandungi kata nama terbitan (المَصْدَرُ).

**4.3.2(j) Harus mengekalkan pelaku (الفاعلُ) yang digabungkan kepada objek (مَفْعُولٌ بِهِ).**

Menurut al-Sayūtīy, harus mengekalkan pelaku (الفاعلُ) yang digabungkan kepada objek (مَفْعُولٌ بِهِ) seperti ذِكْرُ رَحْمَةِ رَبِّكَ عَبْدَهُ زَكَرِيَّا seperti penerangan berikut:

(وَيَجُوزُ إِبْقَاعُهُ) أي الفاعلُ مع الإضافة إلى المفعول (في الأصح)...

(Al-Sayūtīy 1997:3:47)

Maksudnya:

“...*Harus mengekalkan pelakunya yang digabungkan kepada objek*(مَفْعُولٌ بِهِ) *mengikut pendapat yang kuat...*”

Penggabungan bukan sahaja berlaku antara pelaku (الفَاعِلُ) dengan objek (مَفْعُولٌ بِهِ) tetapi ia turut berlaku antara kata nama terbitan (المَصْدُرُ) dengan kata keterangan (الظَّرْفُ).

#### 4.3.2(k) Kata nama terbitan (المَصْدُرُ) digabungkan dengan kata keterangan (الظَّرْفُ).

Menurut al-Sayūṭī kata nama terbitan (المَصْدُرُ) dapat berfungsi seperti kata kerja (الْفِعْلُ) apabila ia digabungkan (الإِضَافَةُ) dengan kata keterangan (الظَّرْفُ). Seterusnya ia turut berfungsi terhadap perkataan yang berada selepasnya secara nominitif (الرَّفْعُ) dan akusatif (النَّصْبُ) seperti عَرَفْتُ اِنْتِظَارَ يَوْمِ الْجُمُعَةِ زَيْدًا عُمْرًا. Penjelasan ini boleh diperolehi dalam pernyataan al-Sayūṭī seperti yang berikut:

(وَ يُضافُ لِظَّرْفٍ, فَيَعْمَلُ فِيمَا بَعْدَهُ رَفْعًا وَنَصْبًا) ....

(Al-Sayūṭī 1997:3:40)

Maksudnya:

“**digabungkan kepada kata keterangan** (الظَّرْفُ) *lalu berfungsi terhadap perkataan yang ada selepasnya secara nominitif* (الرَّفْعُ) *dan akusatif* (النَّصْبُ) ...”

Penjelasan al-Sayūtī yang seterusnya adalah berkaitan dengan kata nama terbitan (الاسم المُصَدَّر) yang berfungsi seperti kata nama terbitan (المُصَدَّر).

#### 4.3.2.(I) Kata nama kepada kata nama terbitan (الاسم المُصَدَّر) yang berfungsi seperti kata nama terbitan (المُصَدَّر).

Dari perspektif al-Sayūtī, kata nama kepada kata nama terbitan (الاسم المُصَدَّر) berfungsi seperti kata nama terbitan (المُصَدَّر) atau dikenali sebagai maṣdar mīmīyy (مَصْدَرُ الْمِيْمِيِّ) contohnya seperti أَظْلَلُمْ إِنْ مُصَابَكُمْ. Oleh yang demikian, perkataan مُصَابَكُمْ sama maksudnya dengan إِصَابَكُمْ. Penjelasan ini terdapat pada pernyataan beliau seperti berikut:

...يَعْمَلُ كَمَصْدَرٍ اسْمُهُ أَيْ : إِسْمُ الْمَصْدَرِ (الْمِيْمِيِّ لَا الْعَلَمِ يَاجْمَاعٍ) ...


(Al-Sayūtī 1997:3.41)

Maksudnya:

“...kata nama kepada kata nama terbitan (الاسم المُصَدَّر) berfungsi seperti kata nama terbitan (المُصَدَّر) atau dikenali sebagai maṣdar mīmīyy (مَصْدَرُ الْمِيْمِيِّ) bukan katanama alam...”

Perspektif al-Sayūtīy terhadap kata nama terbitan (**الْمَصْدُرُ**) dapat

dirumuskan berdasarkan rajah 4.6 berikut:



Rajah 4.6: Kata nama terbitan (**الْمَصْدُرُ**) menurut perspektif al-Sayūtīy

#### **4.4. Sistem i'rāb (الإعراب) Berkaitan Dengan ḥifaṭ musyabbahāt (الصفة المشبهة).**

(الصفة المشبهة).

Dalam bahagian ini, penulis akan memaparkan dapatan sistem i'rāb berkenaan dengan ḥifaṭ musyabbahāt (الصفة المشبهة) daripada perspektif Sībawayh diikuti dengan perspektif al-Sayūṭī.

##### **4.4.1 Perspektif Sībawayh Terhadap ḥifaṭ musyabbahāt (الصفة المشبهة)**

Berdasarkan analisis terhadap teks dalam al-kitāb (الكتاب) berkaitan tajuk di atas, perspektif Sībawayh terhadap kata nama terbitan (المصدر) dapat dilihat dengan jelas seperti berikut:

###### **4.4.1(a) Berfungsi sebagai kata nama pelaku.**

Menurut prespektif Sībawayh ḥifaṭ musyabbahāt (الصفة المشبهة)

berfungsi sebagai kata nama pelaku (اسم الفاعل) dari segenap aspek.

Namun ia dikatakan kurang berupaya berfungsi sebagai kata nama pelaku (اسم الفاعل) kerana ia tidak mengandungi makna kata kerja kala

kini (المضارع). ḥifaṭ musyabbahāt (الصفة المشبهة) dapat berfungsi dengan

kata nama pelaku (اسم الفاعل) sekiranya ia menjadi khas dengan alif

dan lam (ل) dan juga ketika am. Sibawayh telah menjelaskan perkara di atas dalam al-Kitab (الكتاب) seperti berikut:

هَذَا بَابُ الصِّفَةِ الْمُشَبَّهَةِ بِالْفَاعِلِ فِيمَا عَمِلَتْ فِيهِ وَلَمْ تَقُوْ أَنْ تَعْمَلَ عَمَلَ الْفَاعِلِ لَا إِنَّهَا لَيْسَتْ فِي

مَعْنَى الْفِعْلِ الْمُضَارِعِ, فَإِنَّمَا شُبِّهَتْ بِالْفَاعِلِ فِيمَا عَمِلَتْ فِيهِ. وَمَا تَعْمَلُ فِيهِ مَعْلُومٌ, إِنَّمَا تَعْمَلُ فِيمَا

كَانَ مِنْ سَبِّهَا مُعْرَفًا بِالْأَلْفِ وَاللَّامِ أَوْ نَكِيرَةً, لَا تُحَاوِرُ هَذَا, لَا إِنَّهُ لَيْسَ بِفَعْلٍ وَلَا اسْمٌ هُوَ فِي مَعْنَاهُ.

(Sibawayh:1999:1:246)

Maksudnya:

“ *Ini merupakan bab perbincangan kata šifat musyabbahat (الصَّفَةُ) yang menyerupai kata nama pelaku (الْمُشَبَّهَةُ) (الْفَاعِلُ) dari segi fungsi, akan tetapi ia tidak berupaya berfungsi sebagai kata nama pelaku kerana ia tidak mengandungi makna kata kerja kala kini (الْمُضَارِعُ). Ia disamakan dengan kata nama pelaku (الْفَاعِلُ) dari segenap aspek fungsinya. Kata kerja aktif (مَعْلُومٌ) tidak dapat berfungsi padanya. Di antara faktor yang menyebabkan ia mampu berfungsi ialah kedudukannya yang menjadi kata nama khas disebabkan alif dan lam (ل) atau kedudukannya sebagai kata nama am (أ) tidak lebih daripada itu kerana ia bukan kata kerja mahupun kata nama dengan maknanya (kata kerja) ”.* ”.

Seterusnya, Sibawayh membincang tatacara penggabungan (الإِضَافَةُ) šifat musyabbahat (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) dengan kata nama yang lain.

#### 4.4.1(b) Penggabungan **şifať musyabbahať** (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهُهُ).

Menurut Sibawayh, penggabungan şifať musyabbahať (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهُهُ)

kepada kata nama selepasnya merupakan sebaik-baik cara dan yang terbanyak dalam penggunaan. Penggunaan şifať musyabbahať

هَذَا حَسْنٌ secara muđāf (مضَافٌ) (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهُهُ) terdapat dalam contoh ini

. الْوَجْهُ . Selain itu, beliau turut mengharuskan penggunaan şifať

musyabbahať (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهُهُ) secara bertanwin (مُتَوَّنًا). Menurut beliau

şifať musyabbahať (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهُهُ) secara bertanwin (مُتَوَّنًا) adalah sesuai

sebagai bahasa Arab yang baik. Hal ini telah dijelaskan dalam ungkapan berikut:

وَالِإِضَافَةُ فِيهِ أَحَسَنُ وَأَكْثَرُ، لِأَنَّهُ لَيْسَ كَمَا حَرَى مُجْرَى الْفِعْلِ وَلَا فِي مَعَانِهِ... وَالَّتَّنِينِ عَرَبِيٌّ

جَيِّدٌ.

(Sibawayh:1999:1:246)

Maksudnya:

“**Penggabungan şifat musyabbahať** (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهُهُ) kepada kata nama selepasnya merupakan sebaik-baik cara dan yang terbanyak dalam penggunaan kerana ia bukan seperti kata kerja manakala penggunaan şifať musyabbahať (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهُهُ) secara bertanwin (مُتَوَّنًا) adalah sesuai sebagai bahasa Arab yang baik”.

Şifat musyabbahať (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهُهُ) juga menyerupai kata nama pelaku

(الْمَفْعُولُ بِهِ) yang berfungsi terhadap objek (اسم الفاعل). Ini adalah kerana

perubah fleksinya (المَعْمُولُ) akan berada secara akusatif (النَّصْبُ)

. أَهْوَى لَهَا أَسْفَعُ الْخَدَّيْنِ مُطْرِقٌ . seperti yang terdapat dalam bait syair berikut

Perkataan رِيشَ الْقَوَادِمِ لَمْ تُنْصَبْ لَهُ الشَّيْءُ adalah objek (مَفْعُولُ بِهِ) kepada

yang berada secara akusatif (النَّصْبُ).

Selain penggabungan sifat musyabbahat (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهُةُ ) dengan kata

nama, terdapat juga penggabungan dengan katanama am (نَكِرَةً).

#### 4.4.1(c) Penggabungan (الإضافة) Sifaṭ musyabbahat (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهُةُ )

dengan katanama am (نَكِرَةً).

Perspektif Sībawayh menampilkan penggabungan sifaṭ musyabbahat

(الصَّفَةُ الْمُشَبَّهُةُ ) dengan kata nama am (نَكِرَةً). Sībawayh telah

menggunakan contoh berikut sebagai menguatkan pandangan beliau

(Sībawayh:1999:249). لَأَسْيَئِي زِيٌّ إِذَا مَائَلَسُوا إِلَى حَاجَةٍ يَوْمًا مُخْيَسَةً بُزْلًا .

Perkataan سَيِّئِي merupakan sifaṭ musyabbahat (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهُةُ ) yang

digabungkan dengan perkataan زِيٌّ yang merupakan katanama am.

Selanjutnya, Sibawayh menyatakan terdapat kata mudāf ( مضَافٌ )

yang menerima alif dan lām ( بَلْ ) dalam perbincangan berkaitan

şifat musyabbahat ( الصَّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ ) ini.

#### 4.4.1(d) **Şifať musyabbahat ( الصَّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ ) yang mudāf ( مضَافٌ ) boleh**

**menerima alif dan lām ( بَلْ ).**

Menurut Sibawayh, tidak ada dalam bahasa Arab perkataan yang

menjadi mudāf menerima alif dan lām ( بَلْ ) kecuali pada

perbahasan ini seperti هَذَا الْحَسَنُ الْوَجْهِ . Penjelasan tersebut dapat dilihat

dengan jelas melalui petikan berikut:

وَاعْلَمَ أَنَّهُ لَيْسَ فِي الْعَرَبِيَّةِ مُضَافٌ يَدْخُلُ عَلَيْهِ الْأَلِفُ وَاللَّامُ غَيْرُ الْمُضَافِ إِلَى الْمَعْرِفَةِ فِي هَذَا الْبَابِ

(هَذَا الْحَسَنُ الْوَجْهِ), أَدْخَلُوا الْأَلِفَ وَاللَّامَ عَلَى ( حَسَنٍ ) الْوَجْهِ... .

(Sibawayh:1999:1:262)

Maksudnya:

“ Ketahuilah di dalam bahasa Arab tiada perkataan yang menjadi mudāf ( مضَافٌ ) menerima alif dan lām ( بَلْ ) kecuali pada perbahasan ini seperti هَذَا الْحَسَنُ الْوَجْهِ mereka memasukkan alif dan Lam ( بَلْ ) ke atas perkataan حَسَنٍ الْوَجْهِ .... ”.

Perbincangan yang seterusnya berkaitan dengan kesan kemasukkan alif dan Lām (بِالْأَلِفِ وَاللَّامِ) kepada šifat musyabbahat (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهُ).

#### 4.4.1(e) šifat musyabbahat (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهُ) menerima alif dan Lām

(بِالْأَلِفِ وَاللَّامِ) berfungsi menjadikan perkataan selepasnya akusatif (الْتَّصْبُ).

Menurut Sībawayh sekiranya šifat musyabbahat (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهُ)

menerima alif dan lām (بِالْأَلِفِ وَاللَّامِ) maka ia berfungsi menjadikan perkataan

selepasnya akusatif (الْتَّصْبُ). Ia hadir seperti pola berikut ini هُوَ الْحَسَنُ نُ

الْوَجْهُ. Menurut Sībawayh ia merupakan bahasa Arab yang baik (جَيِّدٌ).

Beliau berpegang dengan bait syair berikut: فَمَا قَوْمِي بِشَعْلَةَ بْنِ سَعْدٍ وَلَا يَقْرَأَهُ

الشُّعُرُ الرِّقَابَا. Perspektif Sībawayh dapat ditelusuri seperti berikut:

فِإِنَّمَا أَدْخَلَتِ الْأَلِفُ وَاللَّامُ فِي "الْحَسَنِ" ثُمَّ أَعْمَلَتُهُ، كَمَا قَالَ "الضَّارِبُ زَيْدًا". وَعَلَى هَذَا الْوَجْهِ

تَقُولُ : "هُوَ الْحَسَنُ الْوَجْهُ، وَهِيَ عَرَبِيَّةٌ جَيِّدَةٌ. قَالَ الشَّاعِرُ فَمَا قَوْمِي بِشَعْلَةَ بْنِ سَعْدٍ وَلَا يَقْرَأَهُ الشُّعُرُ

الرِّقَابَا.

(Sībawayh:1999:1:263)

Maksudnya:

"الْحَسَنُ" Dengan kemasukan alif dan Iām (اَلْيَاءُ وَالْيَاءُ) pada perkataan menyebabkan ia dapat berfungsi seperti ungkapan yang terdapat dalam kata nama pelaku (الْفَاعِلُ). "الصَّارِبُ زَيْدًا" (اسم الفاعل) Berdasarkan prinsip ini anda boleh mengungkapkan ungkapan *sifat* musyabbahat (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهُ). "هُوَ الْحَسَنُ الْوَجِهُ" (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهُ). Ia merupakan bahasa Arab yang baik (جَيِّدة) seperti yang dikatakan oleh penyair قال الشاعر فما قوسي شعراً بين سعادٍ ولا يغترأ الشعر الرقاباً.

Seterusnya, Sibawayh menampilkan perubahan-perubahan yang berlaku kepada *sifat* musyabbahat (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهُ) dalam bentuk dua (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهُ مُشَبَّهٌ) atau jamak (جَمْعٌ).

**4.4.1(f) *Sifat* musyabbahat (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهُ) yang menunjukkan bilangan dua (مُشَبَّهٌ) atau jamak (جَمْعٌ).**

Menurut Sibawayh *sifat* musyabbahat (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهُ) yang menunjukkan bilangan dua (مُشَبَّهٌ) atau jamak (جَمْعٌ) perlu dikekalkan huruf nun (ن). Manakala kata nama selepasnya mesti berada secara akusatif (النَّصْبُ) contohnya هُمُ الطَّيِّبُونَ الْأَخْبَارُ. Hal telah dijelaskan oleh Sibawayh melalui penjelasan seperti berikut:

فِإِذَا ثَيَّتَ أَوْ جَمَعْتَ، فَأَثَبَتَ النُّونَ فَلَيْسَ إِلَّا النَّصْبُ، وَذَلِكَ قَوْلُهُمْ: "هُمُ الطَّيِّبُونَ الْأَخْبَارُ" وَ "هُمَا

الْحَسَانُ الْوُجُوهُ" ...

(Sibawayh:1999:1:264)

Maksudnya:

“ Sekiranya anda ingin menjadikan *şıfat* *musyabbahat* (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهُةُ) kepada bilangan dua (مُثْنَى) atau jamak (جَمْعٌ) anda perlu dikenalkan huruf nun (ن). Manakala kata nama selepasnya mesti berada secara akusatif contohnya *hūm al-tayyibūn al-aḥyār* (الْمَعْوِلُ النَّصْبُ) dan *hūm al-tayyibūn al-aḥyār* (الْمَعْوِلُ النَّصْبُ) ...”.

Walaubagaimanapun menurut Sibawayh, sekiranya huruf nun (ن)

digugurkan (الْكَفُّ), perubah fleksi (الْمَعْوِلُ) bagi sifat ini mestilah genitif

(نَكِرَةُ الْمَعْوِلُ) sama ada perubah fleksi (الْجَرُّ) khas (الْمَعْرِفَةُ) atau am (أَنْكِرَةُ الْمَعْوِلُ)

seperti هُؤُلَاءِ الضَّارِبُو زَيْدٍ. Namun kedudukan perubah fleksi (الْمَعْوِلُ)

boleh berada secara akusatif (الْنَّصْبُ). Penjelasan tersebut terdapat

dalam petikan berikut:

فِإِنْ كَفَفْتَ النُّونَ جَرَّتْ، كَانَ الْمَعْوِلَ فِيهِ نَكِرَةً أَوْ فِيهِ الْكَفُّ وَلَا مُ، كَمَا قُلْتَ : هُؤُلَاءِ الضَّارِبُو زَيْدٍ

وَذَلِكَ قَوْلُهُمْ: هُمُ الطَّيِّبُونَ الْأَحْيَارُ وَإِنْ شِئْتَ نَصَبَتْ...

(Sibawayh:1999:1:264)

Maksudnya:

“Sekiranya huruf nun (ن) digugurkan (الْكَفُّ), perubah fleksi (الْمَعْوِلُ) bagi sifat ini mestilah genitif (الْجَرُّ) sama ada perubah fleksi (الْمَعْوِلُ) khas (الْمَعْرِفَةُ) atau am (أَنْكِرَةُ الْمَعْوِلُ) seperti هُؤُلَاءِ الضَّارِبُو زَيْدٍ

Namun kedudukan perubah fleksi (المُعْنَوُل) boleh berada secara akusatif (النَّصْب) ”.

Perbincangan berkaitan şifať musyabbahať (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ dalam perspektif Sibawayh beralih daripada perubahan-perubahan yang berlaku pada şifať musyabbahať (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ yang menunjukkan bilangan dua (مُتَشَيِّعٌ) atau jamak (جَمِيعٌ) kepada kewujudan pemisah الفَاصِلُ dalam şifať musyabbahať (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ).

#### 4.4.1(g) Kewujudan pemisah (الفَاصِلُ) tidak halang fungsi şifať musyabbahať (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ).

Daripada perspektif Sibawayh şifať musyabbahať (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) masih berfungsi sekalipun terdapat pemisah (الفَاصِلُ) antara (مُضْمِرًا) contohnya pengubah fleksi (العَامِلُ) dan perubah fleksi (المُعْنَوُلُ) secara zahir (ظَاهِرًا) atau tersembunyi (مِنْكَ أَبَا) atau (هُوَ خَيْرٌ أَبَا) dengan digugurkan perkataan مِنْكَ.

...فُصِّلَ فِيهِ بَيْنَ الْعَامِلِ وَالْمَعْمُولِ، فَالْفَصْلُ لَازِمٌ لَهُ أَبْدًا مَظْهَرًا أَوْ مُضْمَرًا، وَذَلِكَ قَوْلُكَ: (هُوَ خَيْرٌ مِنْكَ

أَبَا) وَ(هُوَ أَحْسَنُ مِنْكَ وَجْهًا)

Sibawayh (1999:1:264)

Maksudnya:

“ *Terpisah sifat musyabbaha* (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) *sebagai pengubah fleksi dengan perubah fleksi* (الْعَامِلُ) (الْمَعْمُولُ). Ia merupakan perkara biasa sama ada pemisahan itu berlaku secara nyata (مَظْهَرًا) atau tersembunyi seperti ungkapan anda (مُضْمَرًا) هُوَ خَيْرٌ مِنْكَ أَبَا dan هُوَ أَحْسَنُ مِنْكَ وَجْهًا ”.

Rajah 4.4.menggambarkan sifat musyabbaha (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) menurut

perspektif Sibawayh dengan ringkas.



Rajah 4.7: Sifat musyabbahat (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) menurut perspektif Sibawayh

#### 4.4.2 Perspektif Al-Sayūṭī Terhadap ṣifat musyabbahat (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ).

Al-Sayūṭī menerusi Ham'u al-Hawāmi'i Fī Syarḥ Jam'i al-Jawāmi'i (همّع) mempunyai prespektif tersendiri dalam

perbicaraan sistem i'rāb (الإعراب) berkenaan dengan ṣifat musyabbahat (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ).

#### 4.4.2(a) Fungsi şifať musyabbahať (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهُهُ) sebagai agen nominatif (الرَّفْعُ).

Menurut al-Sayūtīy şifat musyabbahať (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهُهُ berfungsi menjadikan kata nama selepasnya nominatif (مرْفُوعٌ) sebagai pelaku (الفَاعِلُ) ketika berganding dengan alif dan Lam (أَلْ ) dan tidak bergandingan. Hal ini diterangkan dalam ungkapan berikut:

(وَتَعْمَلُ مَعَ أَلْ) مُقْتَرِنَةً بِهَا (وَدُونِهَا رَفِعًا) عَلَى أَنْ يُعَرِّبَ الْمَرْفُوعُ بِهَا (فَاعِلًا) بِهَا... .

(Al-Sayūtīy 1998:3:64)

**Maksudnya:**

“ *Şifat musyabbahat* (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهُهُ) berfungsi sekiranya ia bergandingan dengan alif dan Lam (أَلْ ) dan tidak bergandingan dengan alif dan Lam (أَلْ ) kata nama nominitif merupakan pelaku (الفَاعِلُ) kepadanya şifat musyabbahat (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهُهُ).

Selain fungsi şifať musyabbahať (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهُهُ) sebagai agen nominatif (الرَّفْعُ), beliau turut menjelaskan fungsinya sebagai agen akusatif (النَّصْبُ).

#### 4.4.2(b) Fungsi şıfat musyabbahaş (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) sebagai agen akusatif (النَّصْبُ).

Menurut al-Sayūtīy, perubah fleksi (المَعْمُولُ) bagi şıfat musyabbahaş (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ yang akusatif (الْمَنْصُوبُ) menyerupai objek. Oleh yang demikian, ia dikenali sebagai musyabbih bi al-maf'ul bih (مشبهاً بالمحظول به). Ini terjadi sekiranya perubah fleksi (المَعْمُولُ) itu merupakan sama ada kata nama khas (الْمَعْرِفَةُ), kata nama tamyiz (التمييز) dan kata nama am (النَّكِيرَةُ). Penjelasan ini terkandung dalam petikan berikut:

(وَتَصِيبَا) عَلَى اللَّهِ يُعَرَّبُ مُشَبِّهًا (بِالْمَفْعُولِ) بِهِ فِي الْمَعْرِفَةِ (أو تَمِيزًا) فِي النَّكِيرَةِ.

(Al-Sayūtīy 1998:3:64)  
Maksudnya:

“Perubah fleksi (المَعْمُولُ yang akusatif (الْمَنْصُوبُ) bagi şıfat musyabbahaş (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ dikenali sebagai musyabbih bi al-maf'ul bih (مشبهاً بالمحظول به)). Hal ini terjadi sekiranya perubah fleksi (المَعْمُولُ) itu merupakan sama ada kata nama khas (الْمَعْرِفَةُ), kata nama tamyiz (التمييز) dan kata nama am (النَّكِيرَةُ).”

Şıfat musyabbahaş (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ sebagai agen genitif (الجُرُّ) juga dibincangkan oleh al-Sayūtīy selain fungsinya sebagai agen agen nominatif (الرَّفْعُ) dan agen akusatif (النَّصْبُ).

#### 4.4.2(c) Fungsi *şıfat* musyabbahat (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ sebagai agen genitif (الْجُرْ)).

Al-Sayūṭī mempunyai perspektif yang mengatakan *şıfat* musyabbahat (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) juga boleh berfungsi menjadikan perubah fleksi (السَّعْوُلُ) berada secara genitif (الْجُرْ) disebabkan penggabungan (الإِضَافَةُ) dengan susunan yang berbeza sama ada bergandingan dengan alif dan lām (بَلْ) atau tidak. Begitujuga keadaannya yang penggabungan (الإِضَافَةُ) dengan ganti nama (الضمير).

(وَجَرًّا بِالإِضَافَةِ وَفِي مَرَاتِبِهَا خِلَافٌ فِي مُجَرَّدٍ، وَمَقْرُونٍ بَلْ، وَمُضَافٍ لَهُ) أَيْ لِمَقْرُونٍ بَلْ (أَوْ لِمُجَرَّدٍ،

أَوْ لِمُضَافٍ لَهُ) أَيْ لِلضمير... .

*Şıfat* musyabbahat (الصَّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) juga boleh berfungsi menjadikan perubah fleksi (السَّعْوُلُ) berada secara genitif (الْجُرْ) disebabkan penggabungan (الإِضَافَةُ) dengan susunan yang berbeza sama ada bergandingan dengan alif dan Lam (بَلْ) atau tidak. Begitujuga keadaannya yang digabungkan (الإِضَافَةُ) dengan ganti nama (الضمير)“.

Aspek şifať musyabbahať (الصّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) yang bergandingan dengan alif dan lām (اَلْ) dan tidak bergandingan turut dibincangkan dalam perspektif al-Sayūtī.

#### **4.4.2(d) Situasi şifať musyabbahať (الصّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ yang bergandingan dengan alif dan lām (اَلْ) dan tidak bergandingan.**

